



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

PARLIMEN KETUJUH  
*Seventh Parliament*

PENGGALPERTAMA  
*First Session*

---

**Jilid I                      Bil. 36                      Hari Isnin                      14hb Disember, 1987**

---

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan  
(Pindaan) (Ruangan 35)**

**Rang Undang-undang Polis (Pindaan) (Ruangan 77)**



**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Isnin, 14hb Disember, 1987**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**IMPORT DARI CHINA - KOMISYEN KEPADA PERNAS**

**1. Tuan Lim Heng Tee** minta Perdana Menteri menjelaskan:

- (a) apakah sebabnya PERNAS mengenakan 1% komisyen ke semua barangan yang diimport dari Negeri China walhal semua barangan import dari negara lain dikecualikan; dan
- (b) adakah benar disebabkan oleh 1/2% komisyen ini, Negeri China telah mengenakan cukai tambahan ke atas semua barangan Malaysia yang diimport ke China; tidakkah berfaedah sekiranya Malaysia dan China sama-sama berunding untuk mendapatkan syarat-syarat perdagangan yang lebih baik berdasarkan polisi "most-favoured-nations".

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) PERNAS mengenakan 0.5% komisyen ke atas semua barangan yang diimport dari Republik Rakyat China untuk membiayai kerja-kerja yang berkaitan dengan dasar untuk melaksanakan dagangan terus dengan negara tersebut. Kerja-kerja berkenaan itu termasuklah:
  - (i) mengadakan pejabat-pejabat di negeri-negeri tertentu di Malaysia untuk memproses dan meluluskan lesen-lesen import;

- (ii) menganjurkan rombongan-rombongan perdagangan ke Canton dan lain-lain badan di Republik Rakyat China; dan
  - (iii) menjadi penganjur kepada lawatan-lawatan yang dibuat oleh Perbadanan Republik Rakyat China ke Malaysia.
- (b) Adalah tidak benar bahawa 0.5% komisyen ini telah menyebabkan Republik Rakyat China mengenakan cukai Carabahan ke atas semua barangan Malaysia yang diimportnya.

**Tuan Foo Boon Liang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Menteri beritahu kepada kita setahun berapa wang kita kutip daripada komisyen ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kutipan wang - have you got the information? If you don't have it, it is all right. Boleh minta notis.

**Tuan Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang yang dikutip setakat ini lebih kurang \$31 juta.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, bagaimanakah perkembangan perdagangan dua hala antara China dengan Malaysia setakat ini?

**Tuan Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak mempunyai perjanjian perdagangan di antara Malaysia dan RRC, tetapi perdagangan itu adalah dijalankan secara terus-menerus melalui PERNAS setakat ini.

**DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN - PENCAPAIAN**

2. **Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan Dasar Ekonomi Baru hanya tinggal lebih kurang 3 tahun sahaja lagi, sejauh manakah pencapaian pelaksanaan Dasar Pelajaran dalam konteks objektifnya hingga kini (1987) di semua bidang termasuk Matlamat Perpaduan.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Woon See Chin]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya adalah panjang sedikit.

- (1) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan secara keseluruhan adalah selaras dengan dasar dan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Pembangunan pendidikan sejak tahun 1971 menggambarkan usaha Kerajaan ke arah mengeratkan lagi perpaduan antara kaum serta menyediakan tenaga rakyat yang mahir. Usaha ini juga bertujuan membasmi kemiskinan serta menyusun semula struktur masyarakat.
- (2) Dalam usaha meningkatkan prestasi dari segi penyertaan dan pencapaian, keutamaan diberi kepada golongan yang kurang beruntung serta kawasan dan wilayah yang mundur. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, Rancangan Malaysia Keempat dan Rancangan Malaysia Kelima hampir 70-75% daripada peruntukan pendidikan rendah dan menengah yang diluluskan oleh Agensi Pusat adalah disalurkan ke kawasan luar bandar selaras dengan matlamat: Kementerian ini bagi memberi kemudahan pembelajaran yang secukupnya kepada kawasan-kawasan luar bandar, Di samping itu, Sabah dan

Sarawak yang merupakan wilayah yang kurang maju dari segi kemudahan pendidikan, juga mendapat peruntukan pembangunan per kapita yang lebih tinggi.

- (3) Beberapa rancangan dan aktiviti khas ke arah perimbangan peluang-peluang pendidikan yang bermutu tinggi dikenal-pasti, dilaksana dan diperluaskan. Antara yang lebih penting ialah Skitn Pinjaman Buku Teks, Rancangan Makanan Tambahan, Program Biasiswa dan Dermasiswa, Asrama Sekolah dan Asrama Pusat, Sekolah Berasrama Penuh, Rancangan Khas dan Maktab Rendah Sains MARA. Dalam pelaksanaan rancangan aktiviti ini, keutamaan adalah diberikan kepada pelajar-pelajar bumiputera dan pelajar-pelajar luar bandar serta mereka yang kurang beruntung.
- (4) Dalam tempoh tahun-tahun 1971-1986 enrolmen di semua peringkat pendidikan telah meningkat dengan pesatnya. Selain daripada bilangan, kadar enrolmen juga turut meningkat. Pertambahan ini adalah ketara sekali khasnya di peringkat pendidikan tinggi dalam beberapa tahun kebelakangan ini.
- (5) Kadar pertambahan bagi pelajar bumiputera serta mereka dari kawasan luar bandar di peringkat menengah atas, tingkatan enam dan di intitusi pengajian tinggi telah meningkat dan kini menggunakan kadar penyertaan yang seimbang.

- (6) Dari segi pencapaian pula, secara umum peningkatan pelajar bumiputera dan pelajar-pelajar luar bandar adalah memuaskan, baik dari segi kualiti mahupun dari segi bilangannya.
- (7) Kementerian Pendidikan juga telah memainkan peranan penting dalam membekalkan tenaga mahir dalam bidang vokasional dan teknologi untuk membantu menjayakan pelaksanaan program perindustrian. Usaha ini dilaksanakan dengan memperkembangkan program pendidikan teknik dan vokasional di peringkat sekolah dan politeknik.

**Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengurangkan enrolment kelas, memandangkan dalam keadaan sekarang begitu ramal jumlah murid berada dalara satu-satu kelas dan tidak dapat ditumpukan oleh guru kelas.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan berhasrat untuk mengurangkan enrolment di tiap-tiap satu bilik darjah tetapi mengikut kemampuan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan, hasrat ini tidak dapat ditunaikan buat beberapa tahun yang akan datang.

**Puan Mazidah Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi. Saya ingin tahu daripada pihak Kementerian sama ada konsep di suatu masa dahulu iaitu Rancangan sekolah sebagai Institusi Masyarakat, adakah rancangan ini masih diteruskan oleh pihak Kementerian dan jika sekiranya masih diteruskan, apakah kesannya dari segi mencapai matlamat perpaduan.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, konsep itu ada diteruskan, bukan sahaja diteruskan tetapi dipertingkatkan lagi dan cara-cara lain yang Kementerian Pendidikan menggalakkan ialah melalui ko-kurikulum dan aktiviti beruniform untuk menyatupadukan semua kaum di negara kita ini.

**BAS MINI - OPERASI DAN PERKHIDMATAN**

3. **Tuan Azman Attar bin Othman** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) bagaimanakah pengeluaran lesen bas mini di dalam kawasan Wilayah Persekutuan masih diteruskan ataupun dibekukan;
- (b) adakah Kementerian berkenaan mengkaji semula terutama di kawasan-kawasan perumahan yang banyak dimajukan di dalam kawasan Wilayah Persekutuan yang tidak mempunyai kemudahan untuk pengangkutan; dan
- (c) adakah cadangan untuk mengeluarkan lesen Bas Mini di kawasan yang tersebut jika sekiranya ada, diminta Kementerian berkenaan meluluskan permohonan yang datang daripada mereka yang duduk di sekitar kawasan itu.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) di masa ini pengeluaran lesen bas mini di dalam kawasan Wilayah Persekutuan dan sekitarnya adalah dibekukan sejak bulan Mac, 1983,
- (b) Kementerian Perusahaan Awam sememangnya bercadang untuk mengkaji semula keperluan pengangkutan awam di Wilayah Persekutuan dan sekitarnya dan ini termasuklah yang berkaitan dengan pengangkutan bas mini.

Kajian ini adalah perlu kerana sejak pembekuan pengeluaran lesen bas mini dan teksi di Wilayah Persekutuan dan sekitarnya telah wujud banyak kawasan-kawasan perumahan baru yang memerlukan pengangkutan awam yang sesuai.

Kementerian bercadang memulakan kajian ini pada awal tahun 1988 untuk menentukan bukan sahaja jenis dan bilangan lesen pengangkutan awam yang perlu dikeluarkan untuk satu-satu kawasan tetapi juga bagi memastikan bahawa operasi untuk lesen-lesen yang sedia ada adalah viable.

(c) Sama ada lesen mini bas akan dikeluarkan di kawasan-kawasan tertentu, terpulanglah kepada hasil kajian yang akan dijalankan itu. Sekiranya lesen-lesen bas mini diperakukan pertimbangan akan diberi kepada mereka yang layak menurut kriteria yang ditetapkan oleh Lembaga Peleasaan Pengangkutan Jalan (LPPJ).

Di masa ini antara kriteria-kriteria yang digunakan ialah:

- (1) pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman dan pengetahuan di dalam bidang pengangkutan yang berkaitan;
- (2) mempunyai kemampuan modal yang cukup bagi mengendalikan perniagaannya dan benar-benar berminat bagi melibatkan diri secara langsung dalam pengurusan operasi bas mininya,

Sukacita saya mengambil peluang ini untuk mengingatkan pengusaha-pengusaha pengangkutan awam supaya mengambil tindakan untuk meningkatkan mutu operasi mereka dengan menambahkan kemudahan-kemudahan kepada penumpang-penumpang seperti menjaga kebersihan dan keselesaan, berjalan mengikut jadual dan mematuhi peraturan-peraturan lalulintas.

Kementerian Perusahaan Awam akan mengambil tindakan tegas kepada mereka yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

**Datuk Haji Nasir bin Haji Manap:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang disampaikan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi, kajian untuk tambahan bas mini akan dibuat pada awal tahun 1988, dan dalam masalah tambahan itu apakah asas untuk menentukan tambahan bas mini itu. Adakah berasaskan daripada

keluasan penambahan rumah ataupun keramaian penduduk-penduduk yang dilalui oleh bas-bas yang berkenaan?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, kriteria-kriteria yang akan diperuntukkan dalam kajian itu termasuklah penduduk-penduduk di kawasan-kawasan yang terlibat, termasuklah kawasan-kawasan perumahan baru. Di samping itu kita juga menentukan supaya operasi ini boleh menjadi viable kepada pengusaha-pengusaha-nya dengan mengkaji sama ada dengan wujudnya bas-bas ini akan menyebabkan kesesakan lalu lintas akan bertambah di kawasan jalan-jalan raya yang berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi ada Senator wanita bangun, beri peluang kepada Yang Berhormat kaum perempuan.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri berkenaan iaitu bas mini dan teksi dibekukan sejak tahun 1983, berapa banyak jumlah lesen bas mini dan teksi yang berada di sekitar Wilayah Persekutuan sehingga ini.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah lesen yang telah dikeluarkan setakat ini ialah 497.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan apabila kajian telah dibuat semula dan Kementerian Perusahaan Awam bersetuju untuk mengeluarkan lesen bas mini khasnya di dalam Wilayah Persekutuan bagaimanakah pendapat Timbalan Menteri sendiri adakah beliau bersetuju atau tidak jika sekiranya Kementerian Perusahaan Awam boleh mengeluarkan seberapa banyak bas mini tidak disekat-sekat. Kalau mengikut cara yang ada sekarang makin disekat pengeluaran bas mini maka banyak perbuatan alibaba tetapi kalau sekiranya tidak disekat saya percaya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemukakan soalan tambahan. Jangan berucap panjang-panjang, apa soalan tambahannya?

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri bersetuju kalau sekiranya diberi dengan seluas-luasnya permohonan kepada bas mini supaya mereka tidak lagi mengalibabakan secara macam raana yang ada sekarang.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, untuk membebaskan dengan seluas-luasnya lesen ini akan menyebabkan kemungkinan bandar Kuala Lumpur penuh dengan bas mini dan teksi dan mungkin akan menjadi kesusahan kepada pengguna-pengguna kenderaan lain.

Walau bagaimanapun, memang menjadi hasrat Kementerian untuk raenentukan supaya gerakan mengalibabakan permit-permit ini dibanteras dan cadangan Ahli Yang Berhormat memangada dalam pemikiran pihak Kementerian.

#### METKR LETRIK - KEKURANGAN

4. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah benar atau tidak bahawa pada masa kini pengguna-pengguna sukar memperolehi meter-meter letrik daripada pihak LLN walaupun cagaran bekalan letrik telah dibayar, sekiranya benar apakah tindakan telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan Abdul Ghani bin Othman]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah diakui bahawa pada penghujung tahun 1986 dan 1987 terdapat kekurangan bekalan meter. Usaha telah dibuat untuk mengatasi masalah ini pada tahun 1986 melalui 5 pesanan yang berjumlah 157,433 unit meter.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekurangan ini berlaku kerana:

- (i) pada akhir 1985 dan awal 1986, Lembaga Letrik Negara (LLN) telah berusaha untuk merasionalkan simpanan stoknya ke paras yang optima dari segi keperluan dan juga kos oleh kerana meter adalah benda yang ditafsirkan fast moving item, dengan izin. Maka bekalannya dengan tidak disedari telah terjejas di dalam usaha rasionalisasi ini.

- (ii) Kelambatan bekalan juga berlaku oleh kerana pihak Jabatan Jangka perlu menguji 100% daripada bekalan yang dibuat untuk kepentingan pengguna dan juga Lembaga Letrik Negara sendiri.

Pada bulan Oktober tahun ini, masih lagi terdapat 14,000 rumah yang dibekalkan elektrik tanpa meter. Untuk mengatasi masalah ini dan juga penyelesaian jangka masa panjang, maka Lembaga Letrik Negara telahpun membuat pesanan bekalan sebanyak 215,000 unit meter. Pesanan ini akan dapat menampung kekurangan yang saya sebutkan tadi dan juga keperluan sepanjang tahun 1988 dan juga simpanan stok yang dianggap wajar.

**Puan Rokiah binti Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya tidakkah pihak Timbalan Menteri ber-cadang untuk menetapkan tarikh pemeriksaan meter bagi tiap-tiap bulan kerana kita dapati sekarang kalau rumah itu bertutup ketika dia pergi periksa meter berlakulah dibubuhnya- ikut kadar apa sahaja, menyebabkan susah kepada pengguna-pengguna.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya kali pertama mendengar masalah tersebut dan hingga kini amalan yang dibuat adalah seperti yang kita semua maklum dan kalau sekiranya ada masalah yang khusus yang disebutkan oleh Yang Berhormat sila laporkan kepada Kementerian saya.

**Tuan Koh Im Pin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di Negeri Sembilan ada banyak kawasan kampung dan projek perumahan yang mana walaupun wayar telah lama dipasang tetapi meter elektrik tidak dipasang. Ada juga beberapa tempat di Port Dickson tiang-tiang elektrik telahpun didirikan selama satu setengah tahun hingga

sekarang tetapi wayar belum dipasang. Pihak LLN selalu mengatakan tidak mempunyai bekalan wayar dan meter elektrik yang mencukupi. Jika pihak dinegara kita yang menandatangani kontrak pembekalan tidak dapat memenuhi permintaan, mengapakah LLN tidak boleh membeli bekalan dari negara lain?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi keupayaan untuk membekalkan bekalan elektrik adalah lebih daripada mencukupi. Kalau sekiranya ada tanda bahawa tiang elektrik telahpun ditanam tetapi masih lagi terbengkalai, ini bermakna bahawa kemungkinan besar ada peruntukan untuk membekalkan elektrik kepada kampung yang berkenaan. Tetapi ada masalah yang mungkin timbul bukan sekadar untuk membekalkan meter kepada rumah-rumah tetapi ada juga benda ataupun barang-barang yang kekurangan untuk beberapa bulan yang kebelakangan ini. Kalau sekiranya kampung-kampung yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu masih lagi menunggu hingga kini, saya minta Ahli Yang Berhormat untuk menyampaikan nama-nama kampung tersebut kepada saya.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada pengguna-pengguna dan rumah-rumah yang telah diberi bekalan elektrik tanpa meter. Bagaimanakah caranya pihak LLN dapat memberi anggaran bentang bekalan elektrik yang telah digunakan?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Letrik Negara menggunakan formula yang dianggap wajar dan adil. Kalau sekiranya bekalan yang digunakan dalam bentuk satu mata lampu maka kosnya ialah \$5.00. Kalau satu mata kuasa sehingga ke 13 ampere \$10.00. Satu mata kuasa 15 ampere \$20.00 dan satu mata kuasa yang khusus untuk alat berhawa dingin \$40.00. Dan kita darabkan jumlah itu dengan bilangan dan kita bahagi dua. Itulah nilai yang perlu dibayar oleh mereka yang tidak ada meter.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan R.M. Jasni.

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 5.

#### GETAH TIRUAN - PENUBUHAN KILANG

5. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Perusahaan Utama menjelaskan bahawa cadangan untuk mengeluarkan getah tiruan di negara ini tidakkah menjejaskan pendapatan para pekebun kecil di negara ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Tuan Alias bin Md. Ali]:** Tuan Yang di-Pertua, penubuhan kilang getah tiruan di negara ini merupakan satu kemungkinan yang boleh diberi pertimbangan. Dan apabila kita membuat pertimbangan ini sudah tentulah kita akan memberi perhatian terhadap kebaikan serta faedahnya dari segi pulangan sosio-ekonomi kepada Negara, terutama sekali kesannya terhadap industri getah asli tempataa dan juga kesannya kepada pekebun-pekebun kecil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada beberapa bidang kegunaan seperti pembuatan tayar di mana kedua-dua getah asli dan getah tiruan sama-sama diperlukan. Memandangkan terdapat kegunaan-kegunaan di mana getah tiruan dan getah asli menjadi bahan-bahan complementary, dengan izin, dan bukan persaingan maka dari segi itu adalah lebih sesuai bagi getah tiruan dipertimbangkan untuk dikeluarkan di negara ini dengan menggunakan bahan-bahan asas dari industri petro-chemical yang dijangka akan berkembang kelak.

**BUKU BERCORAK AGAMA - KEMASUKAN**

**6. Tuan Mohd. Wadji bin Dato' Haji Ishak** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dan memberi penjelasan mengenai setakat manakah kawalan yang dibuat mengenai kemasukan buku-buku bercorak agama dari luar negeri terutama dari Indonesia yang mana terkadang-kadang kedapatan buku-buku itu bercanggah dengan Islam sendiri dan keharmonian di negara ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, kemasukan buku-buku bercorak agama dan penerbitan-penerbitan lain dari luar negeri adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Buku-buku yang bercorak agama Islam sentiasa dikaji dan diteliti. Mana-mana bahan-bahan yang bercanggah dengan Islam sehingga boleh menimbulkan kekeliruan dan menjejaskan keharmonian akan ditengah kemasukannya. Buku-buku tersebut dikenakan sekatan peraeriksaan di pintu-pintu masuk seperti pelabuhan, lapangan terbang atau juga pejabat pos.

**Datuk Haji Nasir bin Haji Manap:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam masalah buku-buku yang bercorak agama dari Indonesia yang diimport ke negara ini, adakah dengan sahaja terbuka secara pengimportan itu dilaksanakan atau adakah wakil khasnya dulu kemudian baru diagih buku-buku itu untuk dijual.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dipertanggungjawabkan ke atas Kementerian Dalam Negeri ialah untuk memeriksa segala buku-buku yang masuk. Jadi kita tidak kiralah sama ada ianya daripada agen atau daripada wakil besar atau wakil kecil atau orang perseorangan dan asalkan buku itu bercanggah

dengan keadaan negara kita, kita akan mengambil tindakan. Jadi kita kurang pastilah adakah ianya merupakan agen besar, agen kecil ataupun perseorangan.

#### ILMU HISAB/ALAM/SEJARAH/SAINS DI SRJK(T) - PENGAJARAN

7. **Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Pendidikan menyatakan bolehkah Kerajaan mempertimbangkan untuk mengajar Ilmu Hisab, Ilmu Alam, Sejarah dan Ilmu Sains dalam Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah Tamil.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mengajar Ilmu Hisab, Ilmu Alam, Sejarah dan Ilmu Sains dalam Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Perkara ini tidak dilakukan kerana ia bertentangan dengan peruntukan yang ada dalam Akta Pelajaran 1961 yang menetapkan bahawa bahasa pengantar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil adalah Bahasa Tamil.

#### KEBUDAYAAN NASIONAL -RANCANGAN

8. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah rancangan yang telah dan akan diadakan oleh Kementeriannya untuk meningkatkan lagi kefahaman Kebudayaan Nasional.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan [Tuan Abdul Raman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha meningkatkan kefahaman tentang Kebudayaan Nasional Kerajaan telah mengambil langkah-langkah positif seperti menganjurkan siri-siri seminar, siri-siri dialog dan konvensyen kebudayaan di peringkat negeri di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat antarabangsa.

Di antaranya ialah bagi peringkat negeri telah diadakan siri-siri Kuliah Budaya, seminar mengenai sejarah budaya di negeri-negeri, bengkel kepimpinan dan pengajian kebudayaan, diskusi budaya, seminar nilai dan norma, siri-siri pidato budaya, seminar kebudayaan Nasional, siri-siri syarahan Tun Seri Lanang dan lain-lain lagi.

Diperingkat kebangsaan pula di antaranya ialah seminar nilai-nilai dan norma-norma masyarakat Malaysia, ceramah bahaya kemerosotan kebudayaan, seminar Kebudayaan Nasional, Seminar kebudayaan dan perpaduan negara, seminar nilai dan norma, seminar di sekitar soal kesedaran bangsa dan pembinaan tamadun serantau, ceramah kebudayaan dan undang-undang, seminar tamaddun Islam, konvensyen kebudayaan dan identiti nasional dan beberapa yang lain lagi.

Sementara diperingkat antarabangsa pula di antaranya ialah persidangan antarabangsa tamaddun Melayu, seminar pengajian kesenian rakyat dan seni bina tempatan dan beberapa seminar lagi.

Kementerian ini juga akan menganjurkan beberapa siri persidangan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan di masa-masa akan datang di Kuala Lumpur sesuai dengan sifatnya sebagai ibu negara, pusat perkembangan kebudayaan, pusat kovensyen dan tumpuan pelancong.

Di samping itu, program-program yang berbagai-bagai berkaitan dengan Kebudayaan Kebangsaan akan terus dijalankan sama ada di peringkat negeri dan di peringkat Kebangsaan sama ada atas tajuk yang khusus mengenai kebudayaan atau juga atas tajuk secara umum. Selain daripada mengadakan dialog, seminar dan persidangan, Kementerian juga akan terus melaksanakan langkah-langkah untuk menyebarkan bahan-bahan penyelidikan dan penerbitan kebudayaan sebagai satu langkah meningkatkan kefahaman terhadap Kebudayaan Nasional.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat iaitu mengenai pengembangan atau kefahaman Kebudayaan Nasional ini, adakah pihak Kementerian mendapat kerjasama yang rapat atau sudah mewujudkan kerjasama yang benar-benar rapat dengan Kementerian Penerangan. Adakah Kementerian Penerangan juga sudah diberi tahu garis panduan apa yang dikatakan Kebudayaan, Nasional kerana terdapat rtingutan, teras Kebudayaan Nasional ini masih lagi sama-samar dan terlalu abstract adanya.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi kerjasama dengan Kementerian Penerangan, inginlah dimaklumkan bahawa pada masa yang lepas memang telah ada kerjasama yang rapat bukan sahaja dengan Kementerian Penerangan, bahkan dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain dan persatuan-persatuan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang ada di peringkat Kementerian dan pegawai di Kementerian Kebudayaan dan Pelancungan.

**Puan Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di akhir-akhir ini kitn dapati bahawa terdapat kemerosotan kebudayaan berlaku di negara ini. Kenapakah terjadi begitu. Apakah faktor-faktor yang menghalang supaya kebudayaan ini berkembang?

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, saya kuang faham, kalau boleh Yang Berhormat menerangkan kemerosotan kebudayaan.

**Puan Hajjah Rosnah binti ttohd. Salleh:** Yang Berhormat, dari segi seni tarian dan seni lakunan.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah tanggapan saya bahawa apa yang dimaksud oleh Yang Berhormat itu adalah dari segi kesenian, iaitu sebagai satu unsur dalam kebudayaan. Pada pendapat Kementerian, dari segi tarian ianya tidaklah merosot seperti yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, bahkan ianya terus meningkat kerana sekarang ini bukan sahaja kita menjalankan program untuk meningkatkan prestasi kesenian tarian, tetapi kita mencari sumber-sumber yang lebih banyak lagi, terutamanya di peringkat-peringkat negeri ke atas kesenian-kesenian yang terdapat di negeri-negeri di dalam Malaysia.

**Tuan C. Krishnan:** Daripada unsur-unsur kebudayaan India yang mana satu telah diserapkan ke dalam kebudayaan nasional?

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah salah satu prinsip di dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan boleh menerima unsur-unsur daripada sumber-sumber lain sekiranya ianya sesuai dengan norma-norma dan nilai-nilai di dalam masyarakat negara kita. Memang kalau saya hendak nyatakan dari masyarakat India banyak sekali unsur-unsur yang telah mempengaruhi di dalam negara kita tetapi yang khusus tidaklah dapat saya nyatakan. Bahkan mungkin kalau kita lihat dari segi faktor geography, songkok yang saya pakai ini pun datangnya daripada kawasan-kawasan sana. Babkan dari segi beberapa adat, umpamanya, persandingan dan lain-lain lagi, banyak, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak, saya boleh beri senarai kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

**GARISPANDUAN BAGI SYARIKAT-SYARIKAT**

9. **Dato' Dr. K.S. Nijhar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau boleh beri pertimbangan kepada cadangan untuk raembatalkan semua pembatasan ataupun garis panduan yang ada sekarang untuk mengatur semula syarikat-syarikat kecil dengan "paid-up capital", (dengan izin) yang tidak melebihi satu juta ringgit.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian**

[**Tuan M.G. Pandithan**]: Tuan Yang di-Pertua, jika pembatasan ataupun garis panduan yang disebutkan dalam soalan itu bermaksud syarat-syarat ekuiti, eksport dan lain-lain dalam Lesen Pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA), 1975, adalah dimaklumkan bahawa semenjak bulan 24hb Oktober, 1986, tahap pengecualian di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian telah dinaikkan daripada \$1.0 juta atau lebih kepada S2.5 juta atau lebih modal pemegang-pemegang saham atau shareholders' funds sementara tahap bilangan pekerja sepenuh masa telah dinaikkan daripada 50 kepada 75 dan lebih. Dengan kelonggaran peruntukan Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) ini, syarikat-syarikat dengan modal pemegang-pemegang saham kurang daripada \$1.0 juta tidak akan dikenakan apa-apa syarat atau pembatasan di dalam menjalankan operasi mereka.

**KONSORTIUM UNIVERSITI AMERIKA SYARIKAT -KERJASAMA**

10. **Puan Ainon binti Ariffin** minta Menteri Pendidikan memberi penjelasan mengenai pembatalan kontrak dengan beberapa konsortium universiti Amerika Syarikat yang mengendalikan program Kolej Persediaan Pelajar-pelajar Malaysia di Amerika Syarikat, kenapakah penilaian dibuat hanya setelah 5 tahun program pembaziran itu berlaku.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program kerjasama dengan konsortium universiti-universiti dari Amerika Syarikat di Kolej Pengajian Persediaan (KPP), Institut Teknologi Mara telah dimulakan pada tahun 1985. Program ini bertujuan untuk menjitnatkan perbelanjaan dan raenyediakan pelajar-pelajar di dalam negeri supaya lebih matang dan bersedia menghadapi cabaran semasa belajar di luar negeri. Pada peringkat awal, bilangan pelajar yang akan dihantar ke Amerika Syarikat melalui KPP anjuran ITM dijangkakan lebih dari 5,000 orang. Walau bagaimanapun, bilangan pelajar yang dihantar ke KPP anjuran ITM pada tahun 1986 dan 1987 tidak mengikut perancangan asal. Atas sebab inilah kos program KPP anjuran ITM telah meningkat. Oleh kerana itu, pihak ITM yang menguruskan program ini dan JPA yang mentjanjur lebih dari sembilan puluh peratus pelajar telah mengkaji semula kedudukan sebenar program ini pada awal tahun ini.

#### KILANG PELURU

11. **Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Menteri Pertahanan adakah benar atau tidak kilang peluru telah didirikan di negara kita Malaysia ini. Kalau ada, bilakah ia didirikan dan apakah nama syarikatnya. Sehubungan dengan itu, apakah syarat-syaratnya kepada mereka yang ingin hendak mendirikan kilang tersebut.

#### 15.12.87

15. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kerajaan bercadang menubuhkan industri pertahanan bagi kegunaan tempatan dan pasaran luar negeri. Jika ada, apakah industri-industri pertahanan yang sedia ada ketika ini.

**Menteri Pertahanan [Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan pertanyaan dari Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar bin Lajim yang dijadualkan pada 11hb Disember, 1987, kerana kedua-dua soalan ini ada persamaannya.

Memang benar sebuah kilang peluru telah didirikan di negara kita. Kilang tersebut diberi nama Syarikat Malaysia Explosive Sdn. Bhd. (SME) yang telah ditubuhkan pada tahun 1969. Kilang ini telah memulakan pengeluaran peluru kaliber kecil pada tahun 1972 untuk memenuhi keperluan Pasukan Keselamatan kita.

Syarikat Malaysia Explosive Sdn. Bhd. ini adalah dibenarkan untuk mengeluarkan semua peralatan yang mampu dikeluarkan olehnya untuk memenuhi keperluan pertahanan negara. Keupayaan lebih ataa excess capacity dengan izin, jika ada, boleh diganakan untuk mengeluarkan peralatan lain yang sesuai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, penubuhan kilang seperti ini perlu mendapat kebenaran dari Kerajaan dan mesti memenuhi kehendak strategik dan keperluan Pasukan Keselamatan,

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, selain dari tujuan pertahanan, tidakkah Kementerian bercadang untuk membuat peluru-peluru yang bertujuan untuk sukan dan juga pemburuan memandangkan permintaan yang begitu menggalakkan dan kilang yang sedia ada tidak dapat menampung?

**Tengku Dato' Ahmad Rlthauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada juga cadangan untuk mengeluarkan peluru-peluru untuk pemburu-pemburu dan juga peluru-peluru untuk sukan dan sebagainya jikalau diperlukan dan sedang di dalam kajian. Ada kemungkinan kita akan juga mengeluarkan peluru-peluru atau bom-bom yang lain daripada apa yang saya sebutkan tadi iaitu jenis 7,62 ataupun 565,

#### **SYARIKAT KAD KREDIT**

**12. Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kewangan menyatakan sedarkah Kementerian bahawa syarikat credit card menjalankan kegiatan:

- (i) pinjaman wang tunai kepada pelanggan; dan
- (ii) pengurapan wang (money changer);

sekiranya sedar, adakah kegiatan ini dijalankan dengan kelulusan Kementerian.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut amalan biasa, seseorang pemegang kad kredit hanya boleh mengeluarkan wang tunai setelah mendapatkan persetujuan terlebih dahulu daripada bank yang mengeluarkan kad kredit tersebut. Wang pendahuluan itu dikeluarkan oleh bank dan bukanlah oleh syarikat-syarikat kredit yang berkenaan. Tetapi orang ramai mempunyai tanggapan ataupun impression seolah-olah syarikat kad kredit itulah yang memberi pinjaman tersebut.

Sebenarnya pinjaman yang dikeluarkan adalah oleh bank-bank yang ada perkiraan ataupun ada kaitan yang sudah tentu mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Bank Negara. Kad kredit yang terlibat ialah Visa, Master Card, American Express Gold Card yang mempunyai perkiraan dengan 8 buah bank dan sebuah syarikat kewangan.

Wang pinjaman juga boleh dikeluarkan atas dasar yang tersebut di atas melalui sistem ATM, ataupun dengan izin, Automated Teller Machine, dengan menggunakan Personal Identification Number, dengan izin, yang dirahsiakan di antara card holder dengan syarikat kad-kad kredit tersebut.

Mengenai soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan juga sekarang ini tidak begitu mempunyai maklumat adakah syarikat-syarikat kad kredit yang menjalankan aktiviti-aktiviti pengurusan wang, ataupun dengan izin, money change, di negara ini. Di dalam peraturan-peraturan Bank Negara Malaysia, hanya bank-bank dan syarikat-syarikat pengurusan wang yang berlesen sahaja yang dibenarkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pengurusan wang di negara ini.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, bagaimanakah Kerajaan mengawal kegiatan kad kredit yang begitu popular hari ini bagi mengelakkan sebarang penipuan?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan tidak mengeluarkan kad-kad ini, yang mengeluarkan kad-kad ini ialah syarikat-syarikat kad kredit. Oleh kerana itu kalau sekiranya berlaku sebarang penipuan, maka adalah tanggungjawab syarikat kad-kad kredit. Syarikat kad-kad kredit ini mempunyai sistem checknya sendiri dan kalau sekiranya didapati ada sebarang orang yang ingin melakukan sebarang penipuan, maka undang-undang

yang ada itu mencukupi untuk menjaga hak-hak syarikat-syarikat kad kredit tersebut. Salah satu daripada undang-undang yang ada ialah undang-undang di bawah Kanun Keseksaan yang berkaitan dengan kecurian, Kecurian ataupun penggunaan kad kredit secara haram ataupun secara palsu itu boleh didakwa di bawah undang-undang tersebut,

**Tuan M. Sangaralingam:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah cadangan untuk membayar bil-bil Kerajaan seperti **air, api,** telefon, hospital dengan kad kredit? **[Ketawa]**

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua., pada masa ini Kerajaan belum lagi mempunyai dasar yang boleh membenarkan Kerajaan menerima pembayaran melalui kad-kad kredit yang disebutkan. Kemungkinan kalau sekiranya saudara Yang Berhormat ingin mencadangkan, boleh membawa kepada peringkat-peringkat yang berkenaan.

#### MELAKA SEBAGAI DESTINASI SEJARAH

13. **Puan Hajj Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan bahawa negeri Melaka sekarang ini semakin terkenal sebagai sebuah negeri pelancongan dan penuh dengan kesan-kesan sejarah dan tempat-tempat yang menarik, seperti Mini Malaysia dan sebagainya; adakab pihak Kementerian bercadang memperkenalkan satu rancangan baru melalui radio dan TV, sama ada sekali seminggu atau sekali dalam sebulan, supaya rakyat Malaysia dapat mengenali Melaka dari dekat dan sebagai galakan kepada rakyat tempatan membuat lawatan ke Melaka.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negeri Melaka sememangnya telah dan akan terus ditonjolkan sebagai destinasi bersejarah kepada pelancong-pelancong ke negara ini. Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) akan sentiasa memasarkan tarikan-tarikan pelancongan negara ini termasuk tarikan bersejarah negeri Melaka di pasaran dalara dan luar negeri, Ini dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti pemasaran seperti pengiklanan, promosi, perhubungan awam dan seranta di dalam maklumat-maklumat yang disebarkan.

Dari segi pengiklanan umpamanya, ciri-ciri sejarah dan budaya Melaka seringkali ditonjolkan terutamanya di pasaran tempatan, Singapura dan serantau.

Dari segi promosi, Kerajaan Negeri dan sektor swasta di negeri Melaka sering dijemput menyertai misi-misi jualan dan penggalakan luar negeri yang dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia. Di samping itu, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia juga memberi bantuan dan sokongan kepada penggalakan tempat seperti 'Carnival Melaka' dan sebagainya yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Melaka dari semasa ke semasa.

Dari segi perhubungan awam dan seranta, negeri Melaka dengan unsur sejarah dan kebudayaannya memang menjadi destinasi tumpuan penulis pengembara, rombongan perfileman dan agen-agen pelancongan. Dari tahun 1985 hingga Oktober 1987, Kerajaan telah membawa seramai 374 orang penulis pengembara, rombongan perfileman dan agen-agen pelancongan dari negeri Jerman Barat, Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah untuk membuat liputan, lawatan suaikenal ke negeri Melaka.

Dari segi penyibaran maklumat, di samping memasukkan maklumat-maklumat mengenai negeri Melaka di dalam risalah-risalah am, TDC juga mencetak risalah 'Vacation Land Malaysia - Kuala Lumpur/Malacca Guide' khusus bagi memudahkan pelancong melawat negeri Melaka. Risalah ini didapati dalam bahasa Inggeris, Perancis, Jerman, Jepun dan Mandarin. Untuk pelancong tempatan, risalah khas negeri Melaka dalam Bahasa Malaysia juga diterbitkan oleh TDC. TDC dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Ekonomi Melaka juga telah menerbitkan risalah 'Malacca Map and Guide' dalam Bahasa Inggeris untuk diedarkan di luar dan di dalam negeri.

Pada masa ini RTM ada menyiarkan beberapa rancangan pelancongan melalui Radio dan TV Malaysia. Ini termasuklah rancangan 'Beautiful Malaysia' yang dikelolakan oleh Radio Malaysia Ibukota dan beberapa rancangan berbentuk pelancongan di TV seperti Carnival Melaka, Pesta Filem dan sebagainya,

Kementerian ini berterima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai cadangan mengadakan rancangan baru berkenaan dengan tempat-tempat pelancongan di negara ini. Kementerian ini akan berbincang dengan pihak Kementerian Penerangan untuk mengadakan satu rancangan pelancongan yang kerap melalui Radio dan Televisyen Malaysia mengenai tempat-tempat tarikan pelancongan di dalam negeri termasuk negeri Melaka.

**BURUH ASING - KEMASUKAN**

14. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa jumlah nama syarikat dan orang perseorangan yang diberi permit/kebenaran membawa masuk buruh asing. Sejak syarikat/orang perseorangan tersebut beroperasi, berapa ramai mereka dapat membawa masuk buruh dan dari negara mana.

**Dato' Megat Junid bin Negat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah syarikat atau agensi yang telah diberi kebenaran untuk membawa masuk buruh asing ialah 42. Daripada jumlah tersebut hanya 19 buah syarikat sahaja yang masih aktif menjalankan urusannya. Setakat ini kebenaran tidak pernah diberi kepada orang-orang perseorangan.

Sejak syarikat atau agensi tersebut mula beroperasi pada 20hb Oktober, 1984 seramai 2,072 orang buruh asing telah dibawa masuk ke negara ini. Dari jumlah tersebut seramai 1,023 orang telah kembali ke negara asal dan bakinya seramai 1,049 orang masih lagi bekerja di negara ini. Pecahan mengikut negara asal buruh tersebut yang masih bekerja di sini adalah seperti berikut:-

Bangladesh	:	541
Indonesia	:	323
Thailand	:	185

**Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah yang dinyatakan tadi, adakah ejen-ejen ini melakukan penyelewengan ataupun tidak bertanggungjawab yang menyebabkan buruh-buruh asing ini teraniaya dan akhirnya terlibat dengan jenayah, Kalau ada kes jenayah yang dibuat oleh buruh-buruh ini, berapa banyak yang dilaporkan?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Mengikut yang dilaporkan kepada pihak Kementerian, ejen-ejen yang sah ini tidak ada yang mewujudkan penganiayaan terhadap buruh. Dengan sebab itu, tidak timbul masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Kalau ada berlaku buruh-buruh asing yang melakukan jenayah di negara ini, ini merupakan mereka masuk secara bersendirian mengikut visa-

visa yang sah, lepas itu ntemohon permit kerja di tempat-tempat yang tertentu.

**Tuan Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jumlah yang tersebut berapa lamakah tiap-tiap seorang itu mendapat tempoh masa permit kerja mereka itu?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, 2 tahun.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri benar atau tidak, ada setengah-setengah buruh daripada negara asing yang telah tamat kontrak mereka dengan sesebuah syarikat dan mereka telah ditinggalkan oleh syarikat yang berkenaan. Adakah perkara ini benar? Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian berkenaan?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, memang berlaku perkara ini di masa-masa yang lampau. Tetapi pada masa ini Kementerian Dalam Negeri telah mengetatkan syarat-syarat seperti mana yang telah kita lakukan terhadap agensi-agensi Pembantu Rumah daripada Filipina iaitu tiap-ciap syarikat yang ingin membawa buruh-buruh asing daripada luar negeri, mereka terpaksa meletakkan bond atau guarantee \$100,000 dengan Imigresen atau dengan Jabatan Imigresasi supaya apa-apa berlaku terhadap buruh-buruh ini,- wang ini boleh digunakan oleh Kerajaan untuk menghantar pekerja-pekerja ini balik.

**Puan Habidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan negara kita sedang menghadapi pengangguran, tidakkah permit membawa masuk buruh-buruh asing ini dapat dihapuskan oleh pihak Kerajaan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, memang hasrat Kerajaan untuk memberi kerja kepada semua rakyat terutama rakyat yang menganggur. Tetapi kalau Kerajaan sahaja yang terjerit-jerit untuk memohon supaya rakyat berkerja, tetapi rakyat tidak mahu berkerja dan ladang-ladang masih terbengkalai, ekonomi negara merosot, tiada jalan lain terpaksa cari orang lain untuk berkerja untuk meningkatkan ekonomi negara.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, buruh-buruh asing yang dibenarkan berkerja dalam negara kita selama dua tahun itu adakah mereka juga diberikan kad pengenalan warna merah?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, tidak. Warna kuning.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ekoran daripada itu, adakah Keraenterian Dalam Negeri sedar bahawa adanya pengemis-pengemis yang tidak mempunyai dokumen-dokumen diri yang tertentu, mereka adalah daripada buruh-buruh yang tidak mahu berkerja setelah dibawa masuk dan tidak balik ke negeri asal. Adakah Kementerian Dalam Negeri menyedari keadaan ini?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri menyedari bukan sahaja pengemis-pengemis yang datang ke negara ini tanpa dokumen-dokumen yang tertentu, tetapi orang-orang yang bukan pengemis sekalipun ada. Dengan sebab itu selalu sahaja tindakan-tindakan untuk mencari mereka dijalankan oleh pihak Jabatan Polis, pihak Jabatan Imigresen dan kalau didapati, mereka akan dihantar pulang.

**DOKTOR - NISBAH BILANGAN**

15. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah nisbah bilangan doktor dengan penduduk di negara ini sekarang;
- (b) berapa ramai doktor yang berhenti dan berapakah bilangan doktor yang baru diambil berkhidmat dengan Kerajaan bagi tahun 1986 dan sehingga bulan Oktober tahun ini; dan
- (c) apakah rancangan Kerajaan dalam mengatasi masalah kekurangan doktor dan doktor pakar di seluruh negara sekarang.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) nisbah bilangan doktor dengan penduduk di negara ini sekarang ialah seorang doktor bagi 2,826 orang penduduk.
- (b) Di dalam tahun 1986, seramai 515 orang Pegawai-pegawai Perubatan telah dilantik berkhidmat dengan Kerajaan. Sementara itu seramai 193 orang Pegawai-pegawai Perubatan telah meletakkan jawatan. Di dalam tahun 1987 pula sehingga bulan Oktober, seramai 467 Pegawai-pegawai Perubatan telah dilantik berkhidmat dengan Kerajaan dan 155 pula telah meletakkan jawatan.
- (c) Kerajaan telah mengaturkan beberapa rancangan dan tindakan bagi mengatasi masalah kekurangan doktor dan doktor pakar. Ini termasuk tindakan untuk memperluaskan pengambilan di Fakulti Perubatan di Universiti-universiti Tempatan, mengadakan skim latihan di dalam dan di luar negeri untuk doktor-doktor dan pakar-pakar perubatan.

Kerajaan telah juga mengadakan beberapa insentif secara kenaikan pangkat dan kemudahan semasa bekerja untuk mengalakkan doktor-doktor kekal dengan perkhidmatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan- tambahan. Berapa ramaikah doktor-doktor wanita asing yang telah kahwin dengan rakyat Malaysia dan belum lagi diambil bekerja dengan Kementerian. Adakah Kementerian bersetuju untuk meluluskan mereka ini yang tidak diambil oleh Kementerian untuk mereka bekerja di klinik-klinik atau di hospital-hospital swasta?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, selama ini kita telah mengambil lebih kurang 70 doktor wanita dari negara asing yang berkahwin dengan rakyat Malaysia untuk berkhidmat dengan Kerajaan dan mereka dibenarkan berkhidmat selama 3 tahun iaitu tempoh masa wajib mereka berkerja dengan Kerajaan dan jika ada jawatan mereka akan diteruskan, jika tidak, mereka akan diberhentikan. Saya rasa ada lebih kurang 15 doktor wanita asing yang telah memohon untuk berkhidmat dengan Kerajaan yang belum lagi dapat ditawarkan jawatan oleh kerana kekurangan jawatan pada masa ini.

Soal jika Kerajaan akan meluluskan untuk mereka ini, doktor wanita asing berkhidmat dengan hospital swasta, klinik atau hospital, perkara ini adalah satu perkara dalam bidang kuasa pihak Imigresen, bukan Kementerian tetapi pada dasarnya Kementerian telah bersetuju untuk menyokong bagi doktor-doktor wanita asing ini kepada Jabatan Imigresen untuk mereka meluluskan pas kerja untuk berkhidmat dengan klinik swasta atau hospital-hospital di sektor swasta,

**Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan begitu ramai doktor yang meletakkan jawatan dan kita masih kekurangan doktor, apakah kajian yang mendalam yang dibuat oleh Kementerian ini untuk mengatasi masalah ini. Kedua, apakah faedah-faedah yang lebih baik seperti kata Yang Berhormat tadi untuk menarik lebih banyak doktor berkhidmat terus kepada Kerajaan,

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab tadi berbagai galakan insentif diberi untuk lebih ramai doktor kekal dengan Kerajaan dan kita telah meningkatkan rancangan latihan kita baik untuk peringkat asas sebagai doktor ataupun di dalam bidang kepakaran yang kita masih berkurangan lagi untuk menggalakkan lebih ramai pemuda-pemudi kita masuk Jabatan atau bidang perubatan dan sekarang ini sedang dilancarkan dan kekurangan doktor di sektor swasta sedang dikurangkan dengan langkah-langkah itu. Untuk mengekalkan mereka terus berkhidmat dengan Kerajaan, langkah-langkah iaitu insentif, kenaikan pangkat, kemudahan, latihan dengan cuti, tanpa cuti, bayar elaun dan sebagainya, segala-galanya itu dijalankan pada masa ini, tetapi kita tidak dapat memaksa sesiapa pun untuk terus berkhidmat dengan Kerajaan tetapi, dengan izin, rate of retention doktor-doktor dalam perkhidmatan Kerajaan dalam setahun dua yang lalu adalah lebih baik daripada masa-masa lampau.

**Puan Mazidah Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, satu soalan lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, satu soalan sahaja lagi. Masa hampir cukup.

**Puan Mazidah Haji Zakaria:** Terima kasih. Mengenai doktor pakar, boleh atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan di bidang-bidang manakah kekurangan ini paling serius sekali?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, kekurangan perkhidmatan Kerajaan, iaitu lebih vacancy terdapat dalam bidang kerja orthopaedic, bidang kerja anaesthetic, E N T, pathology dan

sebagainya. Ada senarai yang panjang sedikit, tetapi di. antara lain yang saya sebutkan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk Pertanyaan Jawab Mulut sudahpun cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 33 adalah]**

**RANG UNDANG-UNDANG  
RANG UNDANG-UNDANG MESIN CETAK DAN PENERBITAN**

**(PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) dibacakan kali yang kedua sekarang".

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay.

**3.33 ptg.**

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambungkan ucapan saya yang hampir habis.

Pada hal berkenaan dengan setengah-setengah wartawan ataupun penerbit-penerbit di negara negara asing yang suka menulis artikel-artikel yang bertentangan dengan faktor sebenarnya dalam negara kita, saya berharap Kementerian Dalam Negeri ataupun Kerajaan kita akan mengambil perbatian,

Tuan Yang di-Pertua, ada setengah-setengah surat-suratkhabar dan majalah-majalah terbitan syarikat-syarikat yang kecil suka menimbulkan isu-isu yang hangat untuk mendapatkan publisiti dan menambahkan bilangan penerbitan bagi memperolehi perhatian umum.

Juga, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pada surat-suratkhabar dan majalah-majalah yang saya sebut tadi patutlah Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan dan mengambil perhatian. Sebenarnya tanggungjawab pada surat-suratkhabar adalah menyelidik dan menyebarkan berita-berita yang benar dan bukan meracuni pemikiran umum.

Satu contoh yang saya suka timbulkan pada petang ini iaitu dalam pengalaman saya ada pernah dasar ataupun sesuatu cadangan daripada Kerajaan apabila diputarbelitkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab maka ia akan disalahfaham dan disalahtafsir oleh orang ramai. Pengalaman yang saya ada iaitu berkenaan satu isu, isu pembangunan Bukit China di negeri Melaka yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Melaka.

Yang sebenarnya pada mulanya cadangan untuk membangun ataupun mencantikkan Bukit China di negeri Melaka itu adalah satu cadangan yang baik dan pada awalnya pun telah mendapat sokongan daripada pemimpin-pemimpin masyarakat orang-orang Tionghua. Tetapi kerana pihak Pembangkang memutarbelitkan faktor yang sebenar dan juga disebabkan beberapa orang wartawan yang memainkan isu tersebut, maka pemimpin-pemimpin masyarakat Tionghua berasa curiga di atas kebenaran rancangan pembangunan itu .dan pada akhirnya kami. yang menyokong pihak Kerajaan tentang cadangan mencantikkan bukit yang tersebut telah dianggap mengkhianati bangsa. Namun demikian, masa ini kebanyakan orang-orang Tionghua merasa kesal di atas sikap setengah-setengah pemimpin Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, juga ada setengah-setengah akhbar dan majalah-majalah telah digunakan sebagai alat untuk memburukkan imej pemimpin-pemimpin kita dan juga ada pernah setengah-setengah wartawan telah diupah untuk menulis artikel- artikel palsu terhadap seseorang pemimpin. Dan juga akhbar-akhbar yang memaparkan berita-berita lucah. Sepatutnya majalah-majalah dan akhbar-akhbar ini dibatalkan lesen penerbitan untuk kepentingan masyarakat umura.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya, kami yakin dan percaya bahawa Kerajaan tidak akan menyelewengkan kuasa-

kuasa yang akan diberi dalam Akta yang akan dipinda tak lama lagi.

Dengan ini, saya sekali lagi menyokong Akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan bagi tahun 1984.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Azman Atar.

**3.37 ptg.**

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian di dalam membaharui Rancangan Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya menyokong penuh di atas pindaan Rancangan Undang-undang ini dan saya mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri yang mana telah mewakili bagi pihak Menteri Dalam Negeri sendiri telah membentangkan Rancangan Undang-undang ini dan di dalam pembentangannya telah menjelaskan kenapa pindaan ini mesti dibuat. Pada saya sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada pemimpin kita yang telah memandang jauh untuk semata-mata kepentingan rakyat jelata di masa-masa akan datang, terutamanya kepada generasi kita yang akan datang.

Dengan adanya pindaan Rancangan Undang-undang kebebasan suratkhbar dan mesin cetak ini, saya percaya ini satu daripada cara melatih seluruh rakyat di dalam negara kita ini supaya dapat menghormati tiap-tiap Rancangan Undang-undang yang diperbuat untuk pentadbiran negara kita bagi kepentingan rakyat kerana jika sekiranya kita tidak bendung daripada masa sekarang setiap Rancangan Undang-undang itu, kita dapati rakyat di dalam negara kita makin lama makin ramai dan makin banyak datangnya daripada bijak-bijak pandai dan dengan kebijaksanaan ini membuat rakyat lebih berani bertindak di dalam meng-

hadapi sesuatu masalah. Maka dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini maka saya percaya rakyat mempunyai, dengan izin, **guide-line** atau garispanduan yang tertentu di dalam melakukan satu-satu tindakan di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang sudah sampai masanya di dalam keadaan sesebuah negara yang datangnye dari berbilang kaum, maka Kerajaan harus mengkaji setiap Rang Undang-undang untuk kepentingan rakyat di dalam negara ini, yang mana Rang Undang-undang merupakan sebuah Rang Undang-undang yang tidak begitu ketat, yang tidak begitu dapat digunakan dengan sebaik-baiknya, yang boleh ditafsirkan dengan berbagai-bagai pentafsiran, maka akan timbul berbagai-bagai kuasa budi-bicara, iaitu dari segi pemikiran satu, dua atau tiga orang yang boleh mentafsirkan sesuatu Rang Undang-undang itu sehingga pihak Kerajaan begitu serba-salah menjalankan pentadbiran dalam negara ini.

Kalau ini berterusan berlaku maka bukan hanya kita mendapat bahawa rakyat hidup dalam keadaan tidak aman, bahkan pelancong-pelancong dari luar negeri dan juga pelawat-pelawat dari luar negeri akan takut untuk datang melabur ke negara kita kerana berpendapat bahawa negara Malaysia tidak mempunyai satu undang-undang yang patut dapat digunakan untuk keselamatan seluruh rakyat dan juga kepada pelawat-pelawat luar negeri. Kita tidak mahu mengikuti contoh satu, dua negara di mana pelawat-pelawat takut hendak masuk ke dalam negara itu, kerana dari segi keamanan undang-undang tidak begitu tegas sehingga membuatkan pelawat-pelawat dari luar negeri takut. Kita bawa contoh kepada satu negara jiran kita yang mempunyai ketegasan undang-undang sehingga kita kadang kala petgi ke negaranya takut untuk melakukan kesalahan-kesalahan kecil kerana ketegasan undang-undang itu.

Dengan adanya pindaan undang-undang ini saya percaya Malaysia akan mendapat kepujian daripada seluruh negara dalam dunia ini, kerana sesiapa juga yang dapat memimpin dalam negara Malaysia ini yang datang dari berbilang kaum, berbilang bahasa dan kebudayaan,

maka ia akan merupakan seorang pemimpin yang benar-benar sebagai pemimpin yang bijaksana, yang dapat menyatupadukan semua kaum di dalam negara Malaysia yang datang dari berbagai kaum.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta di atas mesin cetak dan akhbar ini sepatutnya lebih dahulu lagi kita adakan. Tetapi pada saya, saya rasa masih tidak terlewat dan saya percaya dengan adanya Rang Undang-undang (Pindaan) ini. maka suratkhbar akan memainkan peranannya saraa-sama membangunkan negara kita dari segi mengeluarkan berita-berita yang baik, berita-berita seindahnya supaya berita-berita itu dapat dibaca oleh segenap lapisan rakyat dengan merasakannya begitu seronok, begitu bahagia duduk di dalam negara, kerana tidak ada cerita-cerita dongeng, ataupun berita-berita palsu dan berita-berita fitnah atau berita-berita yang berniat jahat untuk menjatuhkan maruah mana-mana pihak. Sejajar dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, maka saya percaya sudah kenalah masanya bahawa kita benar-benar melatih, bukan kita tmemaksa tiap-tiap rakyat yang tidak beragama Islam untuk memeluk ugama Islam, tetapi. kita melatih dan mendedahkan setiap rakyat di dalam negara kita ini bahawa ini adalah sebahagian dari dasar nilai-nilai Islatn, kerana Islam mencegah membuat berita-berita yang boleh menyinggung perasaan mana-mana pihak, berita-berita yang boleh menyakiti hati mana-mana pihak, maka inilah sebenarnya dasar penerapan nilai-nilai Islam.

Tuan Yang di-Pertua, ada separuh orang bersimpati di atas pengantungan 3 buah akhbar baru-baru ini yang dilakukan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri, kerana meceka bersimpati di atas pengantungan lebih kurang 1,000 lebih pekerja-pekerja daripada 3 buah akhbar ini. Tetapi mereka tidak menyedari dan tidak memandang jauh

dan kita juga sama-sama simpati. tetapi kalau dibandingkan dengan angka 1,000 orang lebih pekerja dari 3 buah syarikat akhbar ini dan kita berpendapat kepentingan jutaan manusia di dalam negara ini lebih penting, maka tindakan Kerajaan menggantung 3 buah akhbar itu memang sudah kena pada masanya.

Seharusnya pekerja-pekerja daripada 3 buah akhbar yang sedang menganggur pada masa sekarang hendaklah menunjukkan perasaan membantah kepada majikannya dan membuat bantahan kepada pemberita-pemberita yang mengeluarkan berita-berita yang boleh membuat keadaan negara sehingga dianggap begitu tegang dari segi keselamatan. Mereka inilah harus bertanggungjawab dengan mengeluarkan berita-berita sehingga nyaris-nyaris adanya pergaduhan perkauman dan juga menghuru-harakan keadaan keselamatan. Dengan berita-berita mereka-lah atau pengarang-pengarang yang tidak bertanggungjawab itulah yang membuatkan sehingga Kerajaan bertindak menggantung akhbar mereka dan membuatkan mereka sehingga menjadi penganggur dan mereka yang terlibat di dalam pengangguran di atas 3 buah akhbar-akhbar ini seharusnya menyokong kepada Dasar Kerajaan di atas pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan,

Inilah yang akan memberikan garis panduan kepada tiap-tiap suratkhbar buat masa-niasa akan datang, merupakan satu suratkhbar yang akan memberi jaminan bukan hanya setakat jaminan kepada kepentingan pekerja-pekerjanya dan juga memberikan jaminan keamanan dan kebahagiaan kepada seluruh rakyat jelata di dalam negara ini dengan mengeluarkan berita-berita yang baik, berita-berita yang benar-benar mendapat kepujian dari seluruh rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan adanya Rang Undang-undang (Pindaan) ini nanti, maka tidaklah ada lagi berita-berita yang akan dikeluarkan oleh pemberita-peraberita kita yang tidak

bertanggungjawab dan saya percaya tidaklah ada lagi pemberita-pemberita upahan yang mendapat upahan untuk mengeluarkan berita-berita untuk menjatuhkan maruah, menjatuhkan nama baik mahupun kepada pemimpin-pemimpin tempatan, peraimpin-pemimpin di peringkat negeri dan juga pemitnpin-peTnimpin di peringkat kebangsaan. Terutamanya perkara ini selalu berlaku tatkala ada pemi.li.han di dalam mesyuarat-mesyuarat agung parti-parti di dalam negara kita, maka timbullah satu pasukan yang dianggap penulis upahan. Mereka ini. tidak mengira apa berita yang mereka akan tulis asalkan mereka mendapat upahan.

Maka saya berasa begitu berbangga sekalt kerana menunjukkan pucuk pemimpin kita dan juga bertanggungjawab sebagai Menteri Dalam Negeri yang telah nampak jauh di atas kebebasan mencetak, kebebasan akhbar-akhbar, kalau tidak dibendung dari sekarang, maka ia akan merupakan satu perkara yang akan boleh menimbulkan keadaan keluh-kesah rakyat jelata apabila tiap-tiap orang boleh menulis apa sahaja yang mereka suka tanpa boleh didakwa-dakwi di mana-mana mahkamah.

Saya juga mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji di setiap lapisan Rang Undang-undang untuk kegunaan ditiap-tiap Kementerian di dalam negara kita ini. Jadi, sekiranya terdapat apa jua bentuk Rang Undang-undang yang tidak begitu lengkap yang boleh dibuat berbagai-bagai pentatsiran sehingga Kerajaan tidak dapat menjalankan tanggungjawabnya terhadap negaranya dan rakyatnya, maka harus dipinda dari sekarang juga dan ditokok-tambah supaya ia rnerupakan sebuah Rang Undang-undang yang benar-benar satu Rang Undang-undang yang dapat dipergunakan untuk kepentingan rakyat dan kepentingan negara semuanya.

Tuan Yang di-Pert.ua, saya rasa perkara-perkara lain rakan-rakan saya telah menyebut, dan sebelum saya duduk sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini bagi pihak Menteri Dalam Negeri, juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan yang telah banyak metnbuat kajian-kajian di mana juga yang dirasakan tidak begitu lengkap di dalam undang-undang yang boleh ditafsirkan oleh 2-3 orang yang sebingga membuatkan Kerajaan sudah tidak begitu dapat menjalankan tanggungjawabnya terhadap rakyat.

Saya begitu berbangga dan mengucapkan tahniah serta menyokong penuh di atas pindaan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lagi empat orang raahu berucap. Rang Undang-undang ini sepatutnya diluluskan pada hari Jumaat, tetapi sudah bersambung, empat orang kalau diberi 10 minit seorang pun memakan masa 40 minit, kita ada lagi 12 Rang Undang-undang yang belum diluluskan. .. ..

**Cik Norani binti Haji Beluah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mahu berucap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, mahu - okay! Sambung sahaja. Baik, saya beri 10 minit seorang ini menjadi 50 minit hampir satu jam, cadangan itu boleh - all right kita mulai dari Yang Berhormat di sini.

**3.52 ptg.**

**Datuk Haji Nasir bin Haji Manap:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan atas pembentangan Rang Undang-undang ini iaitu yang

dinamakan suatu Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mengkaji Rang Undang-undang yang dibentangan ini dan mengambil kira perkara-perkara yang agak bermasalah, kemungkinan berlaku di dalam negara kita ini, maka saya mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri yang berkenaan kerana telah sedar dan perlu undang-undang ini dikuatkuasakan dengan sertamerta. Dalam hal ini saya memperhatikan ada beberapa aspek yang tertentu, yang perlu dilaksanakan di dalam Rang Undang-undang ini, iaitu supaya mengambil perhatian yang sungguh-sungguh berhubung dengan ketenteratnan awam dan mengambil perhatian atas masalah-masalah kemoralan juga tertakluk kepada keselamatan negara. Dan juga telah menekankan perhubungan dengan negara-negara luar, dan dalam masalah-masalah yang tertentu agar dapat membasmi supaya tidak menimbulkan masalah pengemparan fikiran orang ramai khususnya di dalam negara kita ini.

Saya merasakan kalau kita seorang yang bermoral dan juga berkehendakkan keamanan yang sungguh-sungguh di dalam negara kita ini, maka sekali lagi kita menekankan undang-undang ini memang perlu dilaksanakan dengan sertamerta.

Apabila kita perhatikan kebelakangan ini agak kita sedar banyak berita-berita yang merunsingkan kita, agak banyak berita-berita yang mengemparkan kita, juga berita-berita yang disenaraikan atau dimuatkan di dalam akhbar-akhbar ataupun majalah-majalah, berita-berita pembohongan, kepalsuan dan juga kita maklum terdapat gambar-gambar yang tercemar dan menjatuhkan moral bagi seseorang.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya suka menekankan tertakluk di dalam seksyen 7 Rang Undang-undang yang dibentangkan iaitu Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) di antaranya

berbunyi:

"...melarang, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat...."

untuk melakukan satu di antaranya pencetakan, Penjualan, pengelilingan atau pengedaran dan pengeluaran pada masa-masa yang akan datang.

Dalam hal ini saya suka menyatakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri khususnya Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian yang sungguh-sungguh dari semasa ke semasa dan meneliti tiap-tiap kali penerbitan akhbar sama ada penerbitan harian ataupun mingguan, begitu juga bulanan juga diambil perhatian yang bersungguh-sungguh kepada penerbitan yang diimport, dengan izin-, dari luar negeri supaya pencemaran nama baik Malaysia ini tidak akan terjejas.

Saya suka menarik perhatian agar tindakan-tindakan yang perlu, mungkin tindakan-tindakan yang serta-merta dapat diambil dengan bersungguh-sungguh supaya sesuatu tindakan yang hendak diambil itu jangan ditunggu sehingga negara di dalam tahap kebimbangan dan harus meneltili juga tiap-tiap penerbitan dari semasa ke semasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hampir 10 minit, boleh tolong ringkaskan ucapan?

**Datuk Haji Nasir bin Haji Manap:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuba dengan ringkas-ringkasnya. Kalau sesuatu perkara ataupun kalau sesuatu siaran yang ditunggu hingga beberapa lama mungkin kita mengambil dengan serentak baru hendak mengambil tindakan. Tetapi saya merasakan perhatikan mana-mana sahaja sama ada akhbar itu datang daripada luar negeri ataupun dalam negeri, mana-mana yang dahulu kita ambil tindakan dengan serta-merta,

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak cakap lagi, tetap menghormati masa dan sebagainya, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mustafa, terhad 10 minit.

4.00 **ptg.**

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun turut bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Oleh kerana saya terencat diminta oleh Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap orang yang kemudian ini hanya 10 minit, maka saya cubalah ringkas hanya 10 minit sahaja.

Saya yakin bahawa Menteri dan Timbalan Menteri serta pegawai dan kakitangan di Kementerian yang berkenaan telah bersusah payah dan telah mengkaji dengan teliti bahawa barulah undang-undang ini digubal dan dibawa ke Dewan ini, saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan teriraa kasih.

Saya suka menjawab satu dua pemimpin parti lawan yang telah membuat fitnah melalui suratkhbar lalat yang masih wujud di negara ini dengan mengatakan bahawa dengan wujudnya undang-undang ini akan matilah dan seolah-olah Kerajaan yang ada pada hari ini telah menyembelih dan membunuh para penulis di negara ini. Sebagai Ahli Dewan yang mulia ini saya suka menyangkal kenyataan ini, sesungguhnya Kerajaan yang ada pada hari ini, iaitu Kerajaan Barisan Nasional tidak ada niat sama sekali untuk membunuh ahli-ahli ataupun para penulis untuk mengembangkan idea dan sayapnya dalam pemikiran rakyat di negara ini sepertimana contoh yang saya buat di Dewan ini. Kalau seseorang manusia telah dihinggapi oleh penyakit, seperti penyakit-penyakit yang sangat ditakuti, umpamanya sakit jantung, sakit

kencing manis, sakit huah pinggang dan ada satu jenis penyakit yang dinaraakan "gangrene", dengan izin, penyakit-penyakit ini tidak memadai dengan hanya disapu ubat atau diberi makan ubat, melainkan terpaksa dilakukan satu pembedahan untuk menyelamatkan. nyawa pesakit Ini.

Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi adat sesiapa pesakit misalnya sakit jantung, dadanya terpaksa dibedah dan tulang dadanya terpaksa dipotong barulah dapat melihat jantungnya dan baru boleh diketahui apa jenis penyakit jantungnya. Apakah dengan cara pembedahan ini boleh dianggap satu kezaliman kepada pesakit itu sendiri ataupun ini boleh diistilah sebagai satu ikhtiar dan penyelamat kepada pesakit itu. Saya harap ahli bijak pandai yang masih bebal, yang masih jahil tentang mengapa undang-undang ini diwujudkan berfikir dengan pandangan contoh yang saya berikan itu. Barangkali memang sepintas lalu mereka yang buta hati dan buta mata int akan mengatakan para doktor ini zalim kerana membedah, mengerat dan adakala membuang buah pinggang, diganti dengan jantung dan buah pinggang yang lain - ini kepada mereka yang jahil dan buat mata hatinya. Tetapi kepada mereka yang berfikiran khusus sekali kepada para doktor ini, ini ialah satu cara, satu kerja kebajikan yang sangat diperlukan untuk penyembuhan penyakit manusia. Jadi dengan sebab itu undang-undang ini adalah juga seakan-akan satu pembedahan yang memerlukan satu penyembuhan penyakit yang telah ada dan sedang ada, juga akan ada di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali orang yang sangat takut kepada undang-undang dan Akta ini ialah mereka yang termasuk di dalam golongan penulis dan ahli-ahli karyawan yang berniat jahat kerana di dalam undang-undang ini ada menyebut "niat jahat yang boleh

menggepar dan memporak-perandakan rakyat", maka iaitu orang yang akan diambil tindakan undang-undang jika sabit. Tetapi kalau ahli atau para penulis yang tidak ada niat jahat, apa yang tersirat di hatinya baik dan akan tersurat juga baik, maka orang ini akan diberi penghormatan yang tinggi di dalam negara ini.

Pernah berlaku dalam negara kita ini para penulis dalam bentuk apa juga dan Kerajaan sedang mencari-cari siapakah mereka para penulis yang berilmu dan menulis perkara-perkara yang berilrau akan diberi ganjaran oleh negara dan akan digelar berbagai-bagai gelaran, telah wujud, telah ada di negara kita **ini**. Maka tidak perlu bimbang dan janganlah kalau sesungguhnya kita mahu jadi penulis yang bijak lagi laksana, jangan Akta ini kita jadikan seteru dan kalau boleh Akta ini kita jadikan ia kawan dan taulan yang sangat Ikrab. Insya Allah, ianya tidak akan membakar diri kita kerana sesungguhnya kebebasan yang diberi oleh Kerajaan di negara ini kalau dibandingkan dengan negara-negara lain barangkali tidak sama. Tetapi ada di antara kita, hatta Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat pernah menyuarakan di dalam Dewan yang semulia ini kononnya contoh di negeri-negeri lain lebih baik daripada negara ini, misalnya daripada negeri Taiwan, misalnya lebih baik negeri Fiji kononnya daripada Malaysia.

Kepada saya, mereka yang seperti ini sungguh meragukan tentang ketaat setiaannya kepada keluhuran dan kejujuran pemerintahan negara **ini**. Kalau ada siapa sabaja, sama ada peniimpin politik atau rakyat yang rasa kurang senang dengan cara pemerintahan dan kebebasan dan bentuk demokrasi yang ada di Malaysia ini, maka bolehlah membuat permohonan atau dalam diam-diam meninggalkan negeri ini dan bermastautin di tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi walaupun undang-undang ini akan dilaksana dan dikuatkuasakan, tidak tahu bila, maka saya juga berharap undang-undang ini hendaklah dilaksanakan dengan adil dan saksama tanpa memilih bulu hitam atau putih, tanpa memilih bilis atau jerung, maka hendaklah ia dikenakan, diselaraskan secara adil, barulah Allah subhanahu wata'ala akan memberkati siapa sahaja yang diberi kuasa untuk melaksanakan kewibawaan Akta dan undang-undang ini nanti.

Kalau tidak, kalau tidak, dan berlaku di sebalik apa yang saya sebutkan ini akan membawa padah dan celakalah mereka yang bertanggungjawab itu dan setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin berpantun:

Kalau ada sumur di ladang,

Bolelah saya menumpang mandi,

Insya Allah, kalau ada umur panjang,

Dalam akta lain saya hendak bahas lagi.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Raniai Ahli Yang Berhormat hendak bercakap. Baik, Yang Berhormat Tuan Lim Heng Tee. Saya beri 10 minit. Apabila saya bunyi "ting", sila duduk.

#### **4.11 ptg.**

**Tuan Lim Heng Tee:** Tuan Yang di-Pertua, kita semua bersetuju bahawa tugas utama Kerajaan ialah menjaga keselamatan dan keamanan, keharmonian kaum dan kemajuan ekonomi dan juga adalah tanggungjawab pencetak-pencetak untuk membantu Kerajaan mencapai matlamat itu.

Sungguhpun sesuatu undang-undang bertujuan baik, ianya hanya dianggap baik sahaja jika, antara lain, ia termasuk kawalan danimbangan ataupun checks and balances, dengan izin, yang sesuai.

Sungguhpun saya menerima penjelasan Kerajaan tentang perlunya kawalan yang lebih rapi terhadap percetakan dan penerbitan, saya ingin menarik perhatian Kerajaan kepada aspek-aspek tertentu dan implikasi yang lain dari pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, aspek yang paling kontroversi dalam Akta ini ialah kuasa muktamad yang diberikan kepada Menteri serta tidak boleh dirujukkan tindakan itu kepada mahkamah. Nampaknya ini adalah tidak betul dalam konteks kawalan dan imbangan atau check and balances.

Adalah penting supaya Kerajaan mengkodkan atau mendefinisikan dengan jelas tentang bidang tugas yang tepat berkenaan dengan kuasa dan tugas tiap-tiap tiga daripada bahagian demokrasi iaitu Badan Perundangan, Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman supaya satu sistem checks and balances boleh diwujudkan untuk memastikan bahawa Kerajaan boleh berfungsi dalam sesuatu demokrasi semacam Malaysia.

Perbezaan pendapat dan kebebasan untuk bercakap adalah ciri-ciri asas dalam sesuatu sistem demokrasi. Badan Eksekutif haruslah diberi semua kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya dengan berkesan. Tetapi kuasa itu tidaklah boleh muktamad atau terakhir. Kalau demikian, ianya sama seperti Badan Eksekutif menjadi Penguatkuasa Undang-undang serta Kehakiman pada masa yang sama dan ini sudah melampaui hak-haknya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa semua manusia termasuk hakim-hakim dan Eksekutif mungkin berat sebelah ataupun bias. Jadi, keputusan mereka boleh dipengaruhi. Dengan asas demikian, Kerajaan telah menyatakan bahawa tidaklah selamat untuk membolehkan seorang sahaja iaitu hakim untuk membuat keputusannya.

Jadi, satu keputusan telahpun diambil supaya memberikan kuasa membuat keputusan kepada orang lain iaitu Menteri Dalam Negeri, tetapi Menteri juga seorang manusia. Ini merupakan keadaan di mana mengambil daripada seseorang dan memberikan kepada orang lain, A kepada B atau B kepada A. Kedua-duanya manusia yang mungkin akan berat sebelah.

Saya ingin mencadangkan bahawa satu panel rayuan khas yang terdiri daripada tiga atau lebih Hakim Mahkamah Tinggi, pakar-pakar undang-undang yang lain dan orang-orang yang dihormati ditubuhkan untuk menimbangkan sebarang rayuan yang timbul daripada keputusan Menteri, ataupun dengan cara lain rayuan-rayuan boleh dibuat kepada Kabinet oleh kerana Menteri-menteri lain mungkin tidak akan berat sebelah atau bias seperti Menteri berkenaan.

Peruntukan untuk kawalan yang lebih rapi tentang percetakan dan penerbitan tentu akan dianggap sebagai satu percubaan Kerajaan untuk menumpaskan pihak Pembangkang serta mendiamkan pihak perabintah. Untuk menjawab tuduhan sedemikian, Kerajaan harus memberikan penjelasan yang penuh tentang tindakannya dan di mana-mana boleh menunjukkan kesalahan-kesalahan pihak pencetak dan penerbit berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengetatkan undang-undang percetakan akan membawa akibat yang buruk kepada rakyat. Oleh kerana mereka takut tindakan Kerajaan, pihak penerbit hanya akan mencetak kabar-kabar selamat, selalunya akhbar-akhbar asing telah mengeluarkan lebih kabar disebutkan sebagai kabar dalam atau inside news, dengan izin, berkenaan dengan Malaysia, kalau dibandingkan dengan suratkhbar-suratkhbar di dalam negara kita.

Dengan ketiadaan maklumat yang lengkap dan sempurna, rakyat akan bergantung kepada khabar angin dan urapatan sebagai sumber maklumat. Ini tentu akan mendatangkan kesan yang buruk untuk negara kita kerana kegiatan sedemikian sangatlah merbahaya.

Tindakan Kerajaan untuk membatalkan lesen empat buah suratkhbar tempatan telah membawa banyak spekulasi dan reservation antara rakyat Malaysia, khasnya pembatalan lesen suratkhbar The STAR telah dianggap sebagai mempunyai niat-niat lain selain daripada

keselamatan, oleh kerana suratkhobar ini telah bersaing dengan kuatnya dengan satu suratkhobar lain yang dimiliki oleh sesuatu parti politik.

Ramai orang telah membeli .saham-saham suratkhobar tersebut walaupun harga saham seluruhnya telah jatuh. Untuk menjelaskan keadaan yang sebenarnya, Kerajaan harus menyatakan dengan terus terang semua tindakannya pada kebelakangan ini. Satu Kertas Putih Kerajaan haruslah dikeluarkan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sedih dan bimbang berkenaan dengan penutupan sesuatu suratkhobar, bukan dari segi pembatalan lesennya, tetapi oleh kerana kehilangan pekerjaan oleh beratus-ratus kakitangan suratkhobar berkenaan. Pekerja-pekerja itu tidak bersalah dalam hal ini. Kalau ada pihak yang salah, mereka ialah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Lim Heng Tee:** Boleh beri lagi satu minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Lim Heng Tee:** Kalau ada pihak yang salah, mereka ialah pemilik suratkhobar itu, Lembaga-lembaga Pengarah, pemberita-pemberita dan pihak-pihak yang bertanggungjawab atas penulisan dan penerbitan khabar-khabar dan laporan-laporan, bukannya pekerja-pekerja awam. Ambillah tindakan terhadap sesiapa yang melakukan kesalahan sebagai individu. Tetapi menutup sesuatu surat khabar akan membawa banyak kesulitan kepada pekerja-pekerja yang tidak melakukan sebarang kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rakyat kita telah memilih Kerajaan Barisan Nasional adalah wajar supaya kita menghormati keputusan demokratik rakyat kita dan memberi peluang kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk menunjukkan keikhlasan dan kebolehannya. Kalau Kerajaan membuktikan bahawa ianya adalah ikhlas dan bertanggungjawab tentulah rakyat Malaysia akan terus menyokongnya. Kalau ianya tidak ikhlas dan bertanggungjawab rakyat juga tahu bagaimana hendak bertindak bila masanya sampai iaitu pilihanraya umum.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata **ini**, saya mohon menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun.

4.21 **ptg.**

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang menyertai perbahasan dan menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Mesin Cetak 1984.

Tuan Yang di-Pertua, kepada seseorang rakyat biasa dan sebagai warganegara tidak lain yang perlu selain daripada nafkah hidup, kebebasan tertentu dan keamanan. Ini adalah keadaan yang ideal dengan tidak ada sesuatu cita-cita sama ada untuk politik, sosial atau ekonomi.

Tetapi untuk segelintir warganegara memang terpendam di sanubari masing-masing cita-cita untuk menjayakan dalam sesuatu. Untuk mencapai cita-cita tadi, berbagai teknic digunakan termasuklah cara hebahan melalui media-massa. Dakyah melalui media-massa boleh membawa kesan buruk dan juga kesan baik kepada rakyat jelata. Bagi

setengah-setengah orang kesaa buruk itu menjadi sesuatu idaman dan tuah untuk menjatuhkan orang lain melalui fitnah, publikasi dan berbagai propaganda terutama untuk tujuan politik.

Media-massa boleh menjadi "king maker" dengan izin, dan sebaliknya Kerajaan naik turun, prestasi Bursa Sahara pun naik turun mengikut rentak dan irama yang dimainkan melalui mass-media, Tetapi untuk sesebuah Kerajaan yang bertanggungjawab matlamat utama ialah kestabilan dan kestabilan ialah berpunca untuk segala nikmat yang lain.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pihak pengurusan mass-media pun akan respond dengan hasrat Kerajaan itu agar kedudukan pekerja-pekerja mereka tidak terjejas. Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, ada juga segolongan rakyat yang agak militan dan tidak hirau had batasan kebebasan.

Tuan Yang di-Pertua, bandinglah Kerajaan kita dengan Kerajaan komunis, apakah kebebasan yang ada dan apakah freedom of expression, dengan izin, yang dapat rakyat mereka menikmatinya? Saya rasa memadailah dengan kebebasan yang kita ada iaitu kebebasan agama, kebebasan bergerak, kebebasan bercakap, kebebasan berkumpul dan kebebasan mengkritik secara terus terang tertakluk kepada garis-panduan yang munasabah asalkan tidak menjejaskan pemikiran orangramai untuk bertindak liar dengan cara menyiarkan berita-berita yang tidak benar dan dengan niat yang jahat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sanjung tinggi di atas pembentangan Rang Undang-undang ini memandangkan semangat ianya digubal adalah begitu murni demi kepentingan rakyat. Tujuan dan tindakan yang dicadangkannya adalah tepat dan kena pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada satu sebaran yang tidak rasmi iaitu poison pen, dengan izin. Ini berleluasa sekali di kalangan politik negara kita. Saya percaya Rang Undang-undang ini meliputi percetakan dan sebaran seperti ini. Kaedah percetakan penerbitan ini adalah dengan cyclostyle, dengan taip, dengan photostat dan ada juga dengan tulisan tangan dan diphotostat dan diedar.

Nama penerbitan pula adalah ganjil dan menggerunkan. Di sebelah utara muncul nama-nama penerbitan seperti "Toyol, Hantu Raya, Kelawar Tok Bah dan Pelesit" dan sebagainya. Banyak isi-isi kandungan penerbitan ini raengandungi berita-berita yang orang suka membaca dari mendengar terutama hal-hal skandal, hal-hal lucu, hal-hal ghaib, hal-hal peribadi seseorang pemimpin hinggakan bisikan suatu isteri, pemimpin pun mereka ketahui dan diisi dalam penerbitan. Seronok dibaca, Tuan Yang di-Pertua, tetapi pedih diterima untuk orang yang ditujukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya berharap Kerajaan bertindak terhadap kegiatan penerbitan orang-orang "halus" ini yang sememangnya susah untuk ditangkap kerana mereka tidak menjelma. Tetapi bagaimanapun saya berharap Kerajaan akan menggunakan jampi-jampi yang mujarab untuk memerangkap mereka kerana kegiatan mereka ini amat mudarat untuk kestabilan sesebuah Kerajaan dan kewibawaan seseorang pemimpin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru pihak Kerajaan bertindak keraa di atas penerbitari ini supaya menghapuskan musuh daiam selimut.

Akhirnya saya juga cadang supaya in-house publication, dengan izin, diawasi agar saluran ini tidak diguna oleh orang-orang tertentu bagi kepentingan mereka. Dengan kata-kata **ini**, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh

4.26 ptg.

**Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta dinamakan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987.

Terima kasih kepada Tirnbalan Menteri Dalam Negeri yang telah membentang Rang Undang-undang yang mempunyai tujuan bagi mengemaskinikau dengan lebih berkesan dan mengawalselia demi untuk memelihara ketenteraman awam dan membatalkan, menggantung penjualan hasil-hasil penerbitan bagi faedah keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak natikan bahawa di negara kita, kita mempunyai banyak penulis, penerbit dan pencetak bagi bacaan umum dengan tujuan memberi maklumat, memberi pengetahuan dan gambaran hal-ehwal semasa yang berlaku. Namun begitu, ada juga kadangkala dengan berita-berita yang kita baca amat mengelirukan dan menimbulkan tanda-tanya sama ada berita-berita yang disiarkan itu betul-betul benar atau diputar-belitkan dengan berbagai motif sama ada baik atau sebaliknya. Tambahan pula jika laporan yang disiarkan itu tanpa ditulis nama penulis tersebut.

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

Tuan Yang di-Pertua, adakala berita yang ditulis itu sama-sama dan pembaca akan membuat: tafsiran sendiri akan gambaran yang berlaku, selalunya gambaran yang negatif lebih banyak terbayang daripada keadaan sebenarnya satu-satu insiden itu berlaku. Ada penulis yang begitu tidak liberal yang menggambarkan keadaan-keadaan yang kurang sihat dan melaga-lagakan pemimpin-pemimpin negara terutamanya dalam musim-musim tertentu seperti musim pemilihan, musim pertandingan. Mungkin jika penulis itu menyukai si-A lebih dari si-B, inilah waktu untuk ditonjol-tonjolkan si-A dengan berbagai tulisan yang indah-indah dan mempengaruhi supaya pemikiran pembaca juga turut menyokong si-A sama ada dari segi sokongan moral atau sokongan sebenarnya.

Sepatutnya sebagai seorang penulis, janganlah terpengaruh kepada mana-mana pihak tetapi memberi gambaran yang sebenar gambaran-gambaran yang jelas, gambaran-gambaran yang positif dan terpulanglah kepada orang-orang yang berhak untuk membuat keputusan muktamad di atas pemilihan pemimpin-pemimpin. Kita harap penulis-penulis janganlah "bias" atau memihak kepada sat-satu pihak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ada pula penulis yang begitu pandai membuat ramalan akan satu-satu pihak walaupun kita tidak nafikan bahawa ramalan-ramalan kejayaan kepada satu-satu pihak itu berasaakan kepada faktor-faktor tertentu. Tetapi sebenarnya manusia itu hanya pandai merancang, yang menentukannya ialah Allah s.w.t.

Tuan Yang di-Pertua, segala penulisan dan penerbitan hendaklah diteliti dari berbagai-bagai aspek kerana ianya bukan sahaja menjadi bahan bacaan di negara ini bahkan ianya akan juga dibaca di negara-negara asing terutama di mana terdapat ramainya penuntut Malaysia di luar negeri. Mereka ini amat dahagakan dan sangat berkehendakkan berita-berita yang berlaku. Jika satu berita itu disiarkan dengan gambaran yang salah mungkin kita di Malaysia akan dapat penjelasan. Tetapi apa akan jadi kepada mereka yang jauh, tentulah gambaran yang buruk itu akan terbawa-bawa di kepala mereka dan akan dijadikan isu-isu negatif dan akan membenci kepada negara mereka sendiri. Contohnya isu Memali.

Tambahan pula ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan untuk memburuk-trurukkan Kerajaan kita, sedangkan perkara sebenarnya tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, ada pula penulis yang begitu suka menulis mengenai dengan peristiwa-peristiwa ataupun cerita-cerita khayalan seperti berkahwin dengan orang bunian. Saya rasa masyarakat kita sekarang adalah masyarakat yang kompleks dan tidak begitu berminat akan hal-hal yang tersebut, Sesungguhnya kita lebih berminat kepada cerita-cerita sains dan teknologi dan kepada cerita-cerita yang kompleks pula, walaupun mungkin bacaan penulis itu semata-mata sebagai satu penulisan dan bacaan semasa relax sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai fotograf pula, saya lihat ada di antara penerbit yang sengaja menggunakan fotograf kadangkala lucu kerana gambar itu sama ada sengaja diambil dalam keadaan tidak selesa atau fotograf lama, sedangkan kita mempunyai begitu ramai jurugambar yang dapat memproseskan gambar dalam beberapa saat sahaja. Ada pula gambar-gambar yang mukanya lain dipasangkan dengan badan yang lain pula dalam keadaan yang mengghairahkan, bertujuan mendapatkan pasaran yang lumayan atau untuk menjatuhkan satu-satu pihak.

Tuan Yang di-Pertua, muzik adalah satu alat yang dapat memberi hiburan, tetapi dewasa ini muzik dicipta dengan tujuan mengkhayal, meransang dan menarik minat kepada perbuatan kurang sihat. Perkara-perkara ini dilakukan di tempat-tempat tertentu untuk menjatuhkan moral yang mana kelab-kelab seperti ini banyak terdapat di luar-luar negeri. Muzik boleh menyatu-padukan rakyat dan muzik boleh pula mengakibatkan polarisasi kaum dan pencemaran fikiran, pencemaran bahasa dan juga pencemaran perasaan. Ada pencipta-pencipta

menganggap bahawa kombinasi ciptaan mereka yang menyentuh kaum-kaum lain adalah baik. Tetapi pada pendapat saya, mencipta dan meningkatkan mutu dan taraf muzik kaum sendiri adalah yang paling istimewa. Baru-baru ini tiga kaset lucu dirampas di Seremban. Kalau kita lihat tajuk-tajuk kaset itu "Minah jangan pegang dek, Buah berbual, Tadi minum, Mak Wanku", kita dapat bayangkan lirik seni kata. Apatah lagi kalau kita mendengar kaset-kaset tersebut, tentulah kesan-kesan yang akan memberitahu langkah-langkah berikut entahlah, saya pun tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Orang Buta Malaysia akan mengeluarkan berbagai rakaman lagu-lagu tidak berapa lama lagi. Kalau kegiatan-kegiatan cetak rompak sedang berleluasa sekarang, saya berharap supaya janganlah perkara kepada orang yang kurang bernasib baik pun perkara ini akan berlaku. Saya harap insaf lah akan nasib mereka yang malang itu dan berperikemanusiaanlah terhadap mereka itu, Jika cetak rompak ini berlaku khususnya kepada rakaman orang-orang buta nanti, saya rainta supaya Timbalan Menteri Dalam Negeri mengambil tindakan sewajarnya kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian mukasurat 3, Fasal 4 yang berbunyi "Mana-mana orang yang melanggar sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya." Ayoh! Timbalan Menteri Dalam Negeri, gunakanlah peruntukan-peruntukan ini kepada yang melakukan kesalahan tersebut. Saya berharap supaya di muka-muka hadapan akhbar tempatan biarlah dipenuhi dengan berita-berita yang serius mengenai negara kita, mengenai peristiwa-peristiwa penting dalam

negara dan janganlah disiarkan perkara lucu atau orang pengsang pun dimuat dimuka depan. Banyak lagi muka lain boleh disiarkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan kepada semua penulis supaya mereka akan menjadi sumber inspirasi kepada rakyat negara ini untuk mendidik, memberi pauduan, bimblngan dengan penulisan yang bertanggungjawab. Ayoh! teruskan membangunkan negara ini dengan semangat kecemerlangan dan kesinambungan supaya rakyat akan dapat meyakinkan dengan apa yang mereka baca. Penulis-penulis sepatutnya menolong meyakinkan negara-negara asing mengenai dengan betapa uniknya rakyat Malaysia yang hidup berbilang kaum dengan kebudayaan yang bermacam ragam, mengenai amalan demokrasi di negara ini dan peluang-peluang pelaburan dan peningkatan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya pohon menyokong Rang Undang-undang Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1987 diluluskan. Terima kasih.

**Timbalan Yaug di-Pertua:** Puan Norani binti Beluah.

#### **4.35 ptg.**

**Puan Norani binti Haji Beluah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bersama mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang yang bernama satu Akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Dalam Negeri kerana berusaha menyemak semula Rang Undang-undang ini dan memasukkan perkara-perkara baru dengan tujuan untuk menjaga ketenteramaan negara dan perpaduan rakyat yang berbilang kaum sentiasa wujud di negara ini. Apa yang kita harapkan, apabila Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan nanti, ianya benar-benar dapat mendisiplinkan diri bagi setiap mereka yang terlibat yang memainkan peranannya dalam usaha-usaha

untuk mengeluarkan sebarang penerbitan dalam bentuk apa jua sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan telah mengharamkan penerbitan tiga buah suratkhobar. Saya ucapkan tahniah di atas langkah-langkah segera dan tegas pihak Kerajaan, kerana apa yang saya ingin nyatakan di sini ialah pihak Kerajaan janganlah bertolak-ansur jika sekiranya ada rayuan-rayuan yang dibuat oleh pihak yang berkenaan, dan kalau boleh jangan luluskan lesen yang mereka minta jika tidak tahu pisang berbuah dua kali.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pindaan Akta ini juga ada menyebut hasil penerbitan mengandungi apa-apa makalah, bentuk bunyi dan muzik. Sekiranya t muzik ada hubung-kaitnya dengan cetak rompak yang dialami oleh para artis kita, saya mengucapkan setinggi tahniah kepada pihak Kerajaan kerana telah memberi satu nafas kelegaan kepada para artis kita, yang kita ketahui selama ini mereka ini menderita akibat segala hasil penat lelah mereka telah dicetak rompakkan dengan sewenang-wenangnya oleh lanun-lanun cetak rompak yang mengaut keuntungan dari usaha orang lain. Ibarat kata pepatah "Lembu punya susu, sapi dapat nama". Oleh itu, kita harapkan sebarang tindakan tegas hendaklah diambil supaya kepentingan dan ekonomi para artis kita terjamin di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ingin saya nyatakan ialah mengenai pengedaran kaset syarahan agama yang berunsur menghasut fikiran orangramai serta memburuk-burukkan pucuk pimpinan dan Kerajaan dari tokoh-tokoh ataupun penyokong-penyokong parti Pembangkang yang ada di tanahair kita ini. Apa yang kita dapati sekarang terlalu banyak kaset-kaset ini diedarkan, begitu berleluasa di merata-rata tempat sama ada di kedai-kedai dijual ataupun

di pasar minggu dalam negara kita ini. Apa yang saya ingin nyatakan ialah perbuatan ataupun perlakuan ini perlulah disekat oleh pihak Kerajaan. Kita tidak mahu dengan adanya pengedaran kaset-kaset ini, masa depan generasi muda akan terganggu dengan perkara-perkara yang diedarkan oleh pihak berkenaan melalui kaset-kaset yang tersebut. Dengan adanya tindakan tegas dari pihak Kerajaan, kita harapkan perpaduan dan keselamatan ummah di bumi Malaysia yang kita cintai ini akan sentiasa wujud dan menentukan masa depan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, sebagai sebuah negara yang penduduknya berbilang kaum, kita mengharapkan agar perpaduan sentiasa wujud. Oleh itu, kita mengharapkan agar setiap pegawai yang telah diberi kuasa tidak akan menyalahgunakan kuasa yang ada dan kita juga mengharapkan apabila Akta ini telah dikuatkuasakan nanti, pelaksanaannya hendaklah sebagaimana yang termaktub di dalamnya.

Maka dengan harapan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya benarkan seorang lagi bercakap. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam.

**4.40 ptg.**

**Tuan Hassan bin Nam:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk turut bersama-sama membahaskan dan menyokong dengan rakan-rakan lain di Dewan ini bagi tujuan meluluskan satu Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984 dan juga Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987.

Dalam Dewan yang mulia ini -saya terlebih dahulu mengucapkan syabas, tahniah dan terima kasih kepada pihak Kerajaan khususnya kepada Kementerian Dalam Negeri yang mana Rang Undang-undang ini yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 3.12.1987 sebagai Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Menteri Dalam Negeri pula membentangkan pada 11.12.1987 di Dewan Negara ini.

Dalam masalah Rang Undang-undang **ini**, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita nampak jelas dan mempunyai kesedaran yang jauh serta matang kerana berusaha dengan gigihnya bagi meminda Rang Undang-undang ini dengan tujuan untuk mengemaskinikan beberapa perkara dan peruntukan dalam meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984 ini supaya raenjadi lebih berkesan untuk mencapai matlamat memperketatkan kandungan Akta tersebut **iaitu** bagi raengawalselia penggunaan mesin cetak dan segala penerbitan bahan lucah yang tidak diingini, demi bertujuan untuk menjaga ketenteraman awara dan kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan juga bertujuan ingin melahirkan keadaan suasana aman, damai seita berharmoni kepada rakyat dan amnya negara kita supaya jauh dari segala apa hasutan-hasutan yang diusahakan oleh anasir-anasir anti-nasional melalui percetakan dan penyiaran palsu dan iuga meniaga gejala-gejala buruk yang?

mereka timbulkan serta mengambil kesempatan dari dokumen akhbar, buku dan majalah yang di dalatnnya mengandungi tulisan-tulisan yang mencaci, memburukkan pemimpin-pemimpin kita, mencaci serta memburuk-burukkan negara kita daripada pandangan dunia. Apa yang kita tahu sebenarnya tulisan mereka itu adalah sengaja dibuat untuk bertujuan niat jahat dan merendah-rendahkan segala mertabat para pemimpin dan untuk merendah-rendahkan mertabat negara kita di mata dunia dan sengaja supaya dunia menganggap bahawa Malaysia ini sebuah negeri yang mundur dan rakyat serta pemimpin yang masih boleh dikotak-katikkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Rang Undang-undang ini setelah diluluskan nanti bukanlah bertujuan untuk membunuh dunia kewartawanan. Jika berita yang ditulis dan disiarkan itu adalah benar-benar berlaku dan tidak samar-samar, sudah tentulah tidak ada apa-apa tindakan yang akan diambil atau dikenakan ke atas sesiapa. Atas perkara inilah apa yang diharapkan pihak akhbar-akhbar dan majalah perlulah mengelakkan daripada menyiarkan berita-berita fitnah dan segala-gala yang meragukan bagi mengelakkan suasana yang boleh menjadi tegang, sebagaimana yang kita sudah ketahui apa yang telah berlaku baru-baru ini.

Seperti juga pihak lain, akhbar tentu sekali memahami peranannya dalam mahu mewujudkan negara yang aman dan tenteram dan ini adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan supaya segenap lapisan masyarakat memahami tanggungjawab masing-masing termasuk juga pihak akhbar. Antara peranan penting yang boleh dimainkan oleh akhbar dan wartawan ialah menyemai sikap yang baik di kalangan rakyat seperti mempercayai diri sendiri, rajin dan ikhlas pada setiap masa dan pihak akhbar pula hendaklah lebih bertanggungjawab

dalam memaparkan berita-beritanya. Maka sebaliknya pula, saya percaya Akta ini bukanlah Kerajaan bertujuan menyekat kebebasan bersuara kepada sesiapa serta akhbar tetapi untuk menghalang elemen-elemen yang akan merosakkan ketenteraman negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya bersama-sama juga dengan rakan-rakan lain yang telah membahaskan dan memberi pandangan ke atas Rang Undang-undang ini iaitu saya menggesa dan berharap supaya pihak Kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri menggunakan dengan sebaik-baiknya Akta ini dan juga bertindak dengan tegas dan berani demi untuk menyelamatkan masyarakat dari gejala buruk yang ditimbulkan oleh bahan-bahan penulisan, bahan-bahan penerbitan, bahan-bahan cetak dan pita rakam yang boleh menghasut, yang boleh menaikkan fitnah, yang boleh menimbulkan porak-puranda di dalam masyarakat kita sekarang dan juga menyelamatkan masyarakat, bangsa dan negara, menyelamatkan keharmonian rakyat kita dari adu-domba fitnah-fitnah yang mana ditaburkan oleh golongan-golongan anti-nasional, anti-keharmonian, anti-perpaduan kerana kalau mereka ini semua orang yang mahukan harmoni, perpaduan dan kesejahteraan, mereka tidak akan buat kerja-kerja seperti ini, Jadi mereka inilah musuh negara dan rakyat, mencari jalan dengan bertopengkan anasir-anasir yang kurang sihat dan ini perlu dibanteras.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja. Saya dengan sepenuh-penuhnya mencadangkan dan menyokong atas Rang Undang-undang bagi meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987 diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapan

**4.47 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah sudi memberi pandangan, teguran dan nasihat bersabit dengan pindaan Akta ini.

Dari ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, pihak saya sungguh terharu kerana hampir kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat menyokong penuh akan pindaan ini. di samping memberi pula penerangan-penerangan yang jelas dan nyata akan perlunya pindaan Akta ini dilaksanakan terutama ke atas perkara-perkara seperti kartun-kartun dan gambar-gambar yang tidak berasas yang boleh membawa gambaran yang buruk kepada pembaca.

Pihak saya akau mencuba seberapa daya untuk menjawab atas perkara-perkara yang dibawa dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senators. Bagaimanapun, jika ada perkara-perkara yang tidak dapat saya sentuh, pihak saya mohon maaf. Namun begitu, pihak saya akan mengambil ingatan dan perhatian.

Hari ini 8 orang telah berucap dan pada hari Jumaat yang lepas 6 orang telah berucap, jadi bilangannya 14 orang; memecahkan rekod Dewan Rakyat sendiri [**Tepuk**]. Saya telah mendengar dan meneliti ucapan-ucapan 8 orang Ahli-ahli Yang Berhormat pada petang ini dan banyak perkara-perkara yang dibawa adalah berulang-ulang dan bertindan-tindan sepertimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari Jumaat yang lepas, kecuali Yang Berhormat yang nombor kesepuluh iaitu Yang Berhormat Tuan Lim Heng Tee yang telah merasakan bahawa pindaan ini akan jadi berat sebelah kerana hanya seorang sahaja diberi kuasa iaitu Menteri dan kononnya

pindaan ini akan menakutkan rakyat. Juga Yang Berhormat Tuan Lim telahpun bercakap bahawa kerana ada persaingan akhbar-akhbar di negara ini maka itulah sebabnya ada akhbar-akhbar yang sanggup berbohong dan berdusta, lupa akan keselamatan negara dan ketenteraman awam dan juga Yang Berhormat telah membangkitkan perkara bahawa demokrasi dalam negara ini akan terjejas, tetapi bagi saya demokrasi bukan ertinya kita mesti berbohong dan membuat cerita-cerita yang direka-reka.

Bagaimanapun yang lain-lain itu saya akan huraikan dalam ucapan-ucapan yang telah dibawa oleh pihak Yang Berhormat Senator-senator pada hari Jumaat yang lepas kerana seperti mana saya katakan tadi kebanyakannya bertindan-tindan. Bagaimanapun saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang berucap terutama pada hari ini iaitu Saudara Yang Berhormat Azman Atar yang merasakan bahawa pindaan ini akan lebih memberi mantap, perasaan dan kepercayaan pelabur-pelabur asing dan pelancong-pelancong.

Datuk Haji Nasir Manap juga telah menyokong dengan penuh, Yang Berhormat: Encik Mustafa Awang dengan misalan-misalan dan contoh-contohnya yang menyebabkan pindaan ini sungguh penting Yang Berhormat Encik Lim Heng Tee Yang Berhormat Dahlan Haji Embong bercakap tentang poison pen, dengan izin, dan juga in-house publications yang tnesti diambil beratkan Yang Berhormat Hajjah Rosnah yang minta jangan orang pengsan sahaja diletakkan di rnuka depan; Yang Berhormat Norani Beluah dari yang penghabisan sekali saudara Yang Berhormat Hassan Nam.

Pada hari Jumaat yang lepas, Yang Berhormat Hajjah Azizah Mohd. Said banyak memberl contoh-contoh di mana pindaan Akta ini perlu sangat dibuat dan dilaksanakan. Yang Berhormat: Haji Abdul Majid Abdullah telah membangkitkan tentang peranan akhbar-akhbar nyamuk yang juga dibangkitkan oleh beberapa orang Senator hari ini yaag terlalu banyak membuat berita-berita rekaan, juga berita-berita yang mengkhayalkan seperti cerita ular keramat, pengakuan seorang wanita hingga terjerumus ke lembah pelacuran, juga cerita-cerita yang boleh tnenggambarkan seperti Malaysia akan menjual Limbang dan sebagainya. Dalam bal ini, pihak KDN atau Kementerian Dalam Negeri

akan meneliti dan jika perlu akan mengambil tindakan.

Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin telah mengemukakan masalah surat-surat layang, kartan-kartun dan gambar-gambar. Tentang masalah surat-surat layang, yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria Yahaya, adalah sukar diambil tindakan oleh kerana bukan dimuatkan di mana-mana akhbar, tetapi jika isi kandungan surat-surat layang itu akhirnya dimuatkan dalam mana-mana akhbar, Kementerian Dalam Negeri bolehlah mengambil tindakan. Bagaimanapun, surat-surat layang jika dilaporkan ke pihak Polis ianya akan disiasat siapakah yang bertanggungjawab. Tentang kartun-kartun dan gambar-gambar yang lucah atau yang membawa keadaan buruk dan malu kepada pembaca atau orang-orang tertentu, pihak Kementerian Dalam Negeri juga akan mengambil perhatian yang serius.

Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin juga telah membangkitkan tentang adanya akhbar-akhbar yang suka menyiarkan cerita-cerita asmara dan skandal terutama yang terlibat dengan bintang-bintang filem. Perkara ini juga jika ianya benar dan nyata, tidaklah menjadi ketegahan. Tetapi jika ianya direka dan sengaja dibuat-buat dengan niat yang jahat, maka Kementerian Dalam Negeri tidak teragak-agak mengambil tindakan. Tentang pelaksanaan Akta ini, pihak saya bolehlah memberi jaminan, ini termasuklah beberapa Senator yang telah bercakap termasuk Kak Ainon kita.

Berkenaan Senator Lim Heng Tee tentang pelaksanaan Akta ini, pihak saya bolehlah memberi jaminan bahawa pihak Kerajaan akan berlaku adil dan saksama. Hanya yang betul-betul bersalah yang akan diambil tindakan. Kerajaan memerintah dan mengambil tindakan melalui peruntukan undang-undang yang bertulis. Ini menjamin Kerajaan tidak akan bertindak sesuka hati dan di luar batasan.

Undang-undang bertulis jelas menyatakan apa yang boleh dibuat dan apa yang tidak boleh dibuat. Dengan perkataan lain, Kerajaan seperti juga rakyat, tertakluk kepada undang-undang.

Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin juga menyuarakan bahawa terlalu banyak tatsiran yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu terhadap sesuatu undang-undang itu. Pihak Kementerian Dalam Negeri juga berpendapat sedemikian, maka itulah sebabnya pindaan-pindaan yang dibuat ini adalah kerana pentingnya kuasa-kuasa Kerajaan dijelaskan dalam undang-undang bertulis. Pindaan ini menjadi lebih perlu kerana kecenderungan setengah-setengah pihak menggunakan undang-undang yang tidak bertulis untuk menghalang fungsi Kerajaan. Adalah sukar bagi Kerajaan untuk menerima undang-undang yang tidak bertulis oleh kerana Kerajaan tidak mungkin tahu apa yang boleh dibuat oleh Kerajaan dan apa yang tidak boleh. Dalam keadaan kabur atau tidak jelas ini, pemerintah akan menjadi kalam-kabut. Siapa sahaja boleh mencabar Kerajaan dan menghalang tindakan yang dianggap sah oleh Kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria Yahaya telah juga membangkitkan fasal surat-surat layang yang telah saya jelaskan tadi. Tentang bunyi-bunyi yang mengkhayal dan memberahikan, juga kaset-kaset yang mengandungi ucapan-ucapan yang boleh menjejaskan keselamatan negara, sukalah saya menyatakan bahawa mengikut tafsiran "penerbitan" di bawah Seksyen 2 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, ianya merangkumi rakaman suara. Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawas, memeriksa dan mengkaji kaset-kaset yang disyaki berunsur seks, lucu dan yang menjejaskan keselamatan negara dan tindakan mengharamkan akan diambil. Tentang majalah-majalah dan buku-buku dari luar negeri akan ditapis dahulu sebelum diedarkan termasuklah apa yang

dibangkitkan oleh Hajjah Rosnah tadi. iaitu - "Minah jangan pegang, buah sedang berbuai", juga telahpun diharamkan.

Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria juga bercakap tentang penulisan kreatif. Akta ini tidak sekali-kali membunuh penulisan kreatif seseorang yang boleh menjejaskan pendapatan para penulis. Hanya penulisan yang berbohong, berdusta dan menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara sahaja yang akan diambil tindakan.

Yang Berhormat Senator Hajjah Salbiah pula telah membangkitkan perkara cetak rompak. Sukacita saya memaklumkan bahawa cetak rompak tidak termasuk dalam pindaan Akta ini. Tetapi isi kandungan kaset walau yang asal atau yang dicetak rompak, Akta ini boleh digunakan untuk diambil tindakan. Bercakap Fasal ketegasan Kerajaan dalam melaksanakan pindaan Akta ini, insya Allah, Kerajaan akan tegas menjalankan kewajibannya demi kepentingan rakyat dan negara. Yang Berhormat juga telah menyarankan bahawa masih ada akhbar- akhbar yang masih tidak senonoh, pihak Kementerian Talam Negerisentiasa mengkaji perkara ini dari masa ke semasa.

Saya ingin menegaskan kepada Yang Berhormat Saudara Ng Peng Hay dan juga Yang Berhormat Encik Lim Heng Tee yang kedua-duanya tidak ada di dalam Dewan ini yang telah membangkitkan masalah pengharaman tiga akbbar yang kita lakukan. Yang Berhormat saudara Ng Peng Hay telah menyarankan bahawa pengharaman ke atas tiga akhbar seperti "The Star", "Sin Chew Jit Poh" dan "Watan" adalah berpatutan. Namun begitu, pihak Kerajaan juga harus menimbangkan nasib pekerja-pekerja akhbar-akhbar tersebut yang berjumlah 1,200 orang. Dalam hal ini pihak Kerajaan terpaksa berhati-hati dan memilih antara dua masalah-masalah 1,200 orang pekerja akhbar-akhbar tersebut atau nasib 15 juta rakyat dalam sebuah negara yang tercinta. [Tepuk]

Dalam hal ini Kerajaan terpaksa memilih untuk menyelamatkan 15 juta rakyat dan sebuah negara yang sama-sama kita cintai. Berkenaan dengan 1,200 orang, perkara ini pihak Kerajaan tidak membisu. Masih wujud jalan keluar untuk menyelesaikan masalah ini.

Yang Berhormat saudara Ng Peng Hay juga membangkitkan masalah masa depan tugas pemberita, wartawan dan akhbar apabila pindaan Akta ini dilaksanakan. Mungkin pendapatan mereka akan terjejas. Perkara ini tidak timbul sama sekali kerana pihak berkenaan tidak perlu khuatir jika berita yang disiarkan itu adalah benar-benar betul dan sah, bukan yang direka-reka. Dalam apa juga peranan dan tugas kita, wang ringgit bukan menjadi ukuran. Keselamatan negara dan ketenteraman rakyat harus diutamakan, kerana ada pujangga berkata:-

"Dengan wang kita hanya boleh membeli pangkat, bukan kehormatan;

Dengan wang kita hanya boleh membeli populariti, bukan calibre;

Dengan wang kita hanya boleh membeli harta, bukan kebahagiaan;

dan

Dengan wang kita hanya boleh membeli kekuasaan, bukan kebenaran". [Tepuk]

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa,

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG POLIS (PINDAAN)**

## Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.01 ptg.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Polis 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari beberapa seksyen dalam Akta Polis 1967 perlu dipinda dengan tujuan untuk mengemaskinikan undang-undang tersebut supaya dapat pihak polis mengambil tindakan yang lebih berkesan ke atas pihak-pihak yang tidak mematuhi undang-undang dalam menganjurkan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan. Dalam masyarakat kita perhimpunan, perjumpaan dan perarakan boleh menimbulkan ancaman kepada keselamatan dan ketenteraman awam jika ia bermaksud mencabar dan mengancam pihak-pihak yang tertentu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam masyarakat kita yang raajmuk, tindakan melahirkan perasaan tidak puas hati melalui perhimpunan berkemungkinan mencetuskan perbalahan antara kaum. Bagi maksud-maksud mengawal perhimpunan, perjumpaan dan perarakan, Akta Polis memperuntukkan di bawah seksyen 27 peraturan yang perlu dipatuhi oleh penganjur dan orang-orang yang mengambil bahagian. Seksyen ini juga menetapkan peraturan dan syarat mengenai kelulusan lesen mengadakan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan dan kuasa polis untuk menyuraikan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan yang tidak sah.

Seksyen berkenaan juga memperuntukkan kesalahan yang boleh dijatuhkan ke atas mereka yang didapati bersalah. Dari pengalaman pihak polis, terdapat beberapa kelemahan dalam peruntukan itu yang

menyebabkan pihak berkuasa tidak dapat bertindak dengan lebih berkesan ke atas mereka yang melanggar undang-undang. Di antara peruntukan yang dikenalpasti mempunyai kelemahan itu termasuklah:-

- (1) Mengikut undang-undang yang sedia ada sekarang ini orang-orang yang bertanggungjawab mengadakan perhimpunan awam tidak dapat didakwa dan hanya pemegang lesen sahaja yang selalunya didakwa. Pemegang lesen tidak semestinya merupakan orang-orang yang penting dalam organisasi yang menganjurkan perhimpunan haram berkenaan.
- (2) Hukuman yang boleh dikenakan ke atas orang yang disabitkan kesalahan adalah terlalu ringan dan ini boleh menggalakkan wujudnya satu budaya yang menggunakan demonstrasi sebagai alat untuk menonjolkan kepentingan mereka. Ini bukanlah satu trend yang sihat.
- (3) Kelemahan dalam undang-undang yang ada sekarang ini telah diperalatkan oleh pihak yang dilarang mengadakan perhimpunan di tempat awam untuk menganjurkan perhimpunan itu di tempat persendirian dan dengan menggunakan pembesar suara, perbincangan dan ucapan yang diadakan telah dapat didengar oleh orang-orang yang berada di luar tempat persendirian tersebut. Dengan cara ini perhimpunan yang diadakan di tempat persendirian itu menjadi satu perhimpunan awam,

Tuan Yang di-Pertua, menyedari kelemahan-kelemahan itu Kerajaan

yakin bahawa perkara ini perlu diatasi dengan segera supaya keselamatan dan kecenteraman awam dapat terus dipelihara. Kajian yang teliti telah dibuat ke atas masalah ini dan Kerajaan dengan ini memperakukan supaya pindaan dibuat pada seksyen 27 Akta Polis berkenaan. Secara ringkasnya pindaan itu adalah seperti berikut:-

**Fasal 3(a) -**

Fasal 3(a) ini bertujuan meminda seksyen 27(1) untuk memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis untuk mengarahkan perjalanan perhimpunan, perjumpaan atau perarakan di tempat awam, Pada masa sekarang kuasa ini terletak kepada pegawai-pegawai kanan polis berpangkat Inspektor ke atas. Pindaan ini adalah perlu supaya polis dapat bertindak dengan segera dan berkesan.

**Fasal 3(b) -**

Fasal 3(b) mewujudkan subseksyen baru (2A), (2B), (2C) dan (2D) yang memperuntukkan syarat-syarat bagi memohon lesen untuk mengadakan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan di tempat awam. Mengikut peruntukan yang dipinda ini sebarang permohonan untuk mengadakan perhimpunan hendaklah dibuat oleh suatu pertubuhan atau sesama tiga orang individu. Tujuan pindaan ini adalah untuk menentukan supaya mana-mana perhimpunan adalah dianjurkan oleh sesebuah organisasi atau sekurang-kurangnya oleh tiga orang.

**Fasal 3(c) dan 3(d) -**

Fasal 3(c) bertujuan untuk mengkanunkan semula subseksyen 4(a) yang sedia ada dan Fasal 3 (d) bertujuan untuk memperkenalkan subseksyen baru (4A) bagi menggantikan subseksyen (4)(b) yang sedia ada.

**Fasal 3(e) dan 3(f) -**

Fasal 3(e) memindahkan subseksyen (5) seksyen 27 yang memperuntukkan bahawa adalah menjadi kesalahan ke atas sesiapa yang hadir dalam mana-mana **per-**himpunan, pejumpaan dan perarakan yang tidak dikeluarkan lesen.

Fasal 3(f) pula bertujuan meminda subseksyen yang sama untuk memperuntukkan bahawa orang-orang yang bersangkutan memanggil, mengumpul ataupun mengarah satu-satu perhimpunan, perjumpaan dan perarakan tanpa lesen adalah melakukan kesalahan. Pindaan ini dibuat dengan tujuan untuk memastikan supaya orang-orang yang terlibat tidak terlepas dari tindakan undang-undang,

**Fasal 3(g) -**

Fasal 3(g) mewujudkan 3 subseksyen baru iaitu subseksyen (5A), (5B) dan (5C). Subseksyen (5A) memperuntukkan bahawa seseorang yang dituduh tidak boleh membela dirinya dengan alasan bahawa ia tidak mengetahui yang perhimpunan, perjumpaan dan perarakan itu adalah satu perhimpunan, perjumpaan dan perarakan yang haram. Walau bagaimanapun, seseorang yang berada di tempat perhimpunan, perjumpaan dan perarakan

itu secara kebetulan dan tidak berniat untuk mengambil bahagian boleh menggunakan alasan-alasan itu untuk membela diri. Ini diperuntukkan dalam subseksyen (5B).

Subseksyen (5C) pula memperuntukkan bahawa ke semua ahli-ahli pengelola mana-mana pertubuhan yang terlibat dalam sesuatu perhimpunan haram adalah melakukan satu kesalahan kecuali jika mereka dapat membuktikan bahawa mereka tidak tahu-menahu mengenai perhimpunan, perjumpaan dan perarakan yang diadakan itu atau telahpun mengambil tindakan untuk menghalang atau telah mengemukakan pendirian yang mereka tidak bersetuju dengan keputusan mengadakan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan itu.

Fasal 3(b) menggantikan subseksyen (8) seksyen 27 yang menetapkan denda minima \$2,000 dan maksimum \$10,000 dan penjara tidak lebih dari setahun. Hukuman sekarang ialah denda tidak melebihi \$500 atau penjara tidak lebih dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Fasal 4 mewujudkan seksyen baru 27A, 27B dan 27C untuk mengawal perhimpunan di tempat-tempat bukan tempat awam. Di bawah peruntukan ini polis boleh memberhentikan mana-mana aktiviti yang dijalankan di tempat-tempat persendirian jika didapati perhimpunan, perjumpaan dan perarakan itu memudaratkan keselamatan atau ketenteraan awam.

Polis juga boleh menyuraikan orang-orang yang berkumpul di luar premis persendirian iaitu jika bilangan orang-orang yang berkumpul itu melebihi 20 orang. Pihak polis juga diberi kuasa untuk menyurairkan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan yang diadakan di dalam atau di luar premis bersendirian itu dan jika mereka yang terlibat tidak mematuhi arahan polis untuk bersurai, pihak polis boleh diberi kuasa untuk menggunakan kekuasaan yang mimasabah. Kesalahan dan hukuman di bawah seksyen baru ini adalah denda minima \$2,00 dan maksima \$10,000 dan penjara tidak lebih dari satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan kepada Seksyen 27 Akta Polis itu, Kerajaan juga mencadangkan pindaan kepada 2 seksyen yang lain iaitu Seksyen 26 dan Seksyen 30-

Seksyen 26 Akta Polis yang ada sekarang menetapkan kuasa untuk mengadakan sekatan jalanraya kepada Pegawai Kanan Polis berpangkat Inspector ke atas. Oleh kerana bukan di semua tempat ada Pegawai Kanan Polis, maka peruntukan ini telah menghadkan tindakan yang boleh diambil oleh pihak Polis dan peruntukan ini telah menghalang pihak Polis bertindak dengan segera. Untuk mengatasi masalah ini adalah perlu pindaan dibuat supaya kuasa ini diberi kepada mana-mana Pegawai Polis supaya tindakan segera dapat diambil untuk mengadakan sekatan jalanraya.

Manakala Seksyen 30 dalam Akta Polis pula memperuntukkan kuasa kepada Pesuruhjaya Polis atau Ketua Polis Negeri dengan persetujuan Menteri bagi melarang penggunaan bendera, sepanduk dan pembesar suara. Bagi membolehkan pihak Polis bertindak dengan segera, maka peruntukan ini dipinda supaya kuasa ini dapat dijalankan oleh Pesuruhjaya Polis atau Ketua Polis Negeri sahaja tanpa mendapat persetujuan Menteri terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini satu kawalan yang lebih berkesan dapat diwujudkan untuk mengawasi perhimpunan, perjumpaan dan perarakan. Dengan kawalan ini adalah diharapkan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan yang diadakan pada masa hadapan akan berjalan dengan lebih bertanggungjawab dan mengikuti batasan-batasan yang wajar demi memelihara keselamatan dan ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohoh menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di

hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Polis 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap? Dipersilakan. Yang Berhormat Puan Vaili Muthusamy.

**5.12ptg.**

**Puan Valli Muthusamy:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan segala hormat *saya* ingin mengambil bahagian dalam perbincangan atas Rang Undang-undang Akta Polis (Pindaan) 1987 dan mengatakan seperti berikut:

Fasal 2 bertujuan untuk memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis untuk mendirikan sekatan jalanraya. Ini adalah satu kuasa yang sangat luas diberi kepada semua pegawai polis dan dengan mudah boleh dicacikan. Untuk mengatasi sebarang pencemaran kuasa tersebut saya memanggil agar Ketua Polis Negara mengeluarkan Perintah Tetap di bawah Seksyen 97 Akta Polis 1967 untuk mencegah sebarang pencemaran oleh mana-mana pegawai polis. Mungkin Perintah Tetap boleh menyebutkan bahawa konstable tidak boleh mendirikan sebarang sekatan jalan tanpa izin dari Ketua Balai Polis di mana sekatan jalan tersebut akan diadakan. Perintah Tetap dikehendaki menyebutkan bahawa kuasa ini harus digunakan hanya oleh pegawai dalam Cawangan Am dan bukan dari Cawangan-cawangan lain dalam Pasukan Polis.

Walau pun Fasal 3(a) bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Polis Daerah untuk memperkuasakan mana-mana Pegawai Polis, Ketua Polis Daerah tersebut harus menunjukkan pemerhatian yang ketat ke atas Pegawai Polis yang dikuasakan itu untuk mencegah pencemaran kuasa. Saya mengalu-alukan Fasal 3(b) dan pindaan lain di bawah fasal tersebut tetapi dalam pengenalan peruntukan-peruntukan harus

dijalankan untuk memastikan bahawa ketidakperluan, ketidakmunsabahan dan peraturan-peraturan yang ketat tidak dikenakan ke atas pemegang-pemegang lesen.

Subseksyen baru (8A) dan Seksyen 27A (7) baru melarang penggunaan Seksyen 173A dan 294 Kanun Prosedur Jenayah. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memastikan kepada Dewan ini bahawa peruntukan-peruntukan Akta Mahkamah Kanak-kanak 1947 diuntukkan kepada kanak-kanak yang dipertuduh atas kesalahan di bawah Seksyen 27 Akta Polis 1967.

Fasal 4 memperkenalkan Seksyen-seksyen baru 27A, 28B dan 27C. Tidak ada definisi untuk perkataan 'aktiviti' dalam Seksyen 27A. Perkataan 'mana-mana aktiviti' mungkin termasuk berbagai-bagai aktiviti dan upacara. Ia mungkin termasuk upacara keagamaan, pertunjukan kebudayaan, seminar-seminar, persidangan persatuan-persatuan dan parti-parti politik, jamuan makan, perkahwinan dan seperti upacara-upacara yang dijalankan di tanah dan di kediaman persendirian. Oleh yang demikian, perkataan 'mana-mana aktiviti' harus mempunyai satu definisi. Mana-mana upacara seperti ini akan menarik kehadiran orang-orang luar. Misalnya sewaktu pilihanraya umum biasanya terdapat ramai orang di luar pusat pengiraan undi. Jikalau tiga orang daripada mereka yang di luar ini menentang perintah yang diberi oleh Pegawai Polis atau kalau terdapat 20 orang berhimpun di luar bolehkah pengiraan undi itu dianggap sebagai aktiviti haram dan bolehkah Polis demi kuasa yang diberi dalam Seksyen 27A(1) memberhentikan pengiraan undi tersebut? Kerana terdapat ramai orang di luar, ia tidak menjadikan aktiviti dalam premises itu haram.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita harus secara serius mempertimbangkan pengenalan Seksyen 27A dan kuasa yang diberi kepada Polis. Kuasa-kuasa ini boleh dicaci dan disalahguna-

kan. Seksyen 27A(1) para (a) dan (b) , jika tidak seluruh seksyen baru itu, mungkin, dengan izin, ultra vires Artikel 10 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan sebab Parlimen boleh melalui undang-undang membuat kawalan ke atas kepatutan perhimpunan yang aman dan tanpa senjata hanya dalam minat keselamatan Persekutuan adau mana-mana bahagian di situ atau keamanan. Tanpa pelanggaran keamanan, keadaan-keadaan di bawah perenggan (a) dan (b) tidak boleh dijadikan satu kesalahan dan untuk menjadikannya kesalahan bertentangan dengan Perlembagaan. Walau bagaimanapun, Ketua Polis Negara harus memastikan bahawa tidak terdapat pencemaran atau penyalahgunaan kuasa yang diberi oleh pindaan-pindaan dengan mengeluarkan Perintah Tetap.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kita memperbahaskan Akta Polis (Pindaan) 1987 pada pendapat saya adalah wajar untuk dibawa ke Dewan yang mulia ini sedikit daripada aspek Pasukan Polis dan aktiviti-aktivitinya. Selain daripada Cawangan Khas dan Cawangan Tugas Am yang mana terlibat dalam penyiasatan-penyiasatan jenayah, pendakwaan jenayah, pencegahan jenayah dan pengendalian undang-undang dan keamanan, terdapat Pasukan Polis Hutan, Pasukan Simpanan Persekutuan dan Unit Kawalan Kawasan. Apakah peranan yang dimainkan oleh ketiga-tiga Cawangan ini? Bolehkah Yang Berhormat Menteri meneliti perkara ini supaya mereka dicantumkan kepada satu Cawangan tunggal dan bukan meniru tugas yang sama oleh unit-unit tersebut. Batalion-batalion Pasukan Polis Hutan ditubuhkan kepada Brigade dengan seorang Komander Sekutu.

Pada pandangan saya, banyak wang dan kuasa manusia dibazir dengan mempunyai Brigade Komand. Sebaliknya kesemua unit Pasukan Polis harus diletak di bawah perintah Ketua Pegawai Polis sepatutnya.

Jika cadangan saya ditimbangkan untuk mencantumkan kesemua Pasukan Polis Hutan, Pasukan Simpanan Persekutuan dan Unit Kawalan Kawasan, kemudian tiap-tiap negeri harus mempunyai satu atau dua Batalion Pasukan para-tentera ini, di bawah perintah Ketua Pegawai Polis dengan satu Komander Sekutu untuk mengarahkan mereka dalam latihan dan pergerakan antara negeri dan kawasan-kawasan operasi.

Menurut Jadual Pertama Akta Polis, 1967 terdapat 13 pangkat antara Pegawai Kanan Polis. Ia adalah terlalu banyak pangkat. Ia harus dikurangkan kepada 10 pangkat seperti dalam Pasukan-pasukan Angkatan Tentera. Pangkat Penolong Kanan Pesuruhjaya I & II boleh digugurkan dan kesemua mereka boleh ditingkatkan kepada Timbalan Pesuruhjaya Polis. Pangkat-pangkat Tnspektor Kanan dan Ketua Inspektor harus digugurkan. Seorang Inspektor dengan 10 tahun bertugas termasuk semasa cubaan harus dinaikkan kepada Penolong Penguasa Polis secara automatik selepas mereka lulus dalam kesemua peperiksaan-peperiksaan yang sepatutnya.

Seterusnya kenaikan pangkat haruslah mengikut kebolehan mereka. Terdapat banyak ketidakpuasan hati mengenai kenaikan pangkat kerana setengah-setengah pegawai yang dinaikkan pangkat tidak layak menerimanya.

Tuan Yang di-Pertua, seorang Penolong Penguasa Polis dan seorang Ketua Inspektor memakai 3 paku serupa dan adalah sukar untuk mengenali pangkat-pangkat tersebut. Dan ia lebih membingungkan apabila seorang pegawai itu keturunan Sikh dengan sarban di kepala. Dengan mengurangkan bilangan pangkat ia akan melekaskan kenaikan pangkat pegawai muda dan rnengurangkan kekecewaan dan akan meningkat kecekapan.Ia juga akan menghasilkan pegawai-pegawai yang

berdedikasi, setia dan dengan demikian ia akan meningkatkan nama baik Pasukan Polis.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kelulusan yang diterima untuk menyertai Pasukan Polis sebagai Konstebal adalah Sijil Rendah Pelajaran dan sebagai pegawai adalah Sijil Tinggi Pelajaran. Kelulusan-kelulusan ini adalah terlalu rendah meniadakan kuasa yang luas yang diberi kepada seorang pegawai Polis dan dengan demikian kelulusan mereka harus sepadan dengan tugas dan kuasa mereka.

Saya cadangkan bahawa kelayakan minimum untuk Konstebal adalah Sijil Pelajaran Malaysia dan pegawai adalah Ijazah dari sebuah universiti. Terdapat banyak siswazah-siswazah sekarang yang menganggur dan tidak sukar untuk mencalonkan mereka dalam pangkat pegawai. Ia juga akan mengubah kecemerlangan dan kecekapan Pasukan Polis.

Tuan Yang di-Pertua, pengambilan kautn India dalam Pasukan Polis tidak begitu memuaskan. Keperluan kepujian dalam Bahasa Malaysia untuk menyertai pangkat Konstebal adalah terlalu ketat dan harus.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta maaf, dapat diringkaskan supaya meraberi peluang lagi kepada Ahli Yang Berhormat lain yang hendak berucap. Dipersilakan.

**Puan Valli Muthusamy:** Terima kasih.

.....tidak begitu memuaskan. Keperluan kepujian dalam Bahasa Malaysia untuk menyertai pangkat Konstebal adalah terlalu ketat dan harus dilonggarkan kepada hanya lulus dalam mata pelajaran tersebut dalam Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia.

Saya juga meminta supaya semasa pengambilan masuk kaum India

dalam Pasukan Polis, keutamaan diberi kepada calon-calon dari ladang-ladang, kawasan luar bandar dan juga mereka dari sekolah-sekolah Tarail atau yang berkelulusan dalam bahasa Tamil dalam peperiksaan Sijil Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pertukaran seorang anggota Polis, banyak wang adalah di.bazi.rkan. Pertukaran Konstebal dari Kangar ke Johor Baru atau sebaliknya tidak membawa manfaat kepada Pasukan Polis, malah juga kepada Konstebal tersebut. Untuk banyak sebab yang mudah pegawai-pegawai Polis muda dan Konstebal harus ditugaskan di negeri mereka sahaja dan pertukaran harus dibataskan dalam negeri yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya ke perkara mengenai pencegahan jenayah, pencurian, penyiasatan dan perogolan. Jenayah sedang bertatnbah dan ada yang tidak dilaporkan langsung.

Apabila sesuatu jenayah telah dilakukan, mangsa-mangsanya yang datang dari kawasan luar bandar, ladang atau dari kumpulan pendapatan rendah dilayan dengan buruk di Balai-balai Polis. Laporan-laporan mereka tidak direkodkan dengan segera ataupun diberi perhatian. Adakalanya Pegawai Polis merekod sesuatu laporan dalam satu bentuk di mana satu kesalahan tangkap dijadikan satu kesalahan tidak boleh tangkap untuk mengelakkan penyiasatan. Misalnya kecurian sebuah basikal atau seekor kambing dijadikan bahan untuk dibaca seperti kehilangan sebuah basikal atau seekor kambing.

Terdapat bilangan besar kes-kes yang masih tidak diselesaikan. Setengah-setengah Pegawai Penyiasatan melengah-lengahkan penyiasatan dan kurang cekap mengambil tindakan yang cepat. Untuk menyelesaikan penyiasatan kebanyakan Pegawai Penyiasatan

memenjarakan orang yang disyaki di bawah Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah. Terdapat juga di mana seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah dicemar dan disalahgunakan oleh Pegawai Penyiasatan.

Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah juga dikenali sebagai seksyen buat duit. Ketua Polis Daerah harus memastikan supaya Pegawai Penyiasatan tidak menghala ke Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah tanpa izinnya dan beliau sendiri harus memastikan bahawa Pegawai Penyiasatan telah mengainbil semua tindakan sewajarnya sebelum membenarkan seseorang yang disyaki. itu ditahan.....

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta maaf, Yang Berhormat Timbalan Menteri.....

**Puan Valli Muthusamy:** .....dengan ini saya menyokong penuh, Akta Polis 1987.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat ada hendak membuat penjelasan?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Senator Puan Vallu Muthusamy, sebab menyebut perkataan rasuah tadi. Dalatn Dewan yang mulia **ini**, kalau boleh Yang Berhormat bantangkan fakta-fakta yang tertentu supaya orang yang terlibat itu dapat kita ambil tindakan, janganlah kita bercakap secara menyeluruh. Adalah tidak baik kerana pegawai yang di luar itu tidak dilindungi oleh undang-undang - Ahli-ahli Senator dilindungi oleh Parlimen, jadi bolehlah kita bercakap sesuka hati kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak dahulu.

**5.30ptg.**

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya beridiri untuk bercakap sepatah dua di atas satu Akta untuk meminda Akta Polis 1967.

Sebelum itu saya hendak mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak Polis yang telah mengambil tindakan tegas untuk mengurangkan ketegangan yang telah ditimbulkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Saya harap dan tidak syak lagi bahawa pihak Polis akan mendapat sokongan yang penuh kalau mereka sanggup mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang mengambil atau menjalankan tugas-tugas tidak demi kepentingan negara dan mereka yang bertanggungjawab diharap juga pihak Polis akan menangkap tidak mengira sama ada orang itu adalah orang besar atau kecil, sama ada orang itu daripada mana-mana kaum. Saya harap juga pihak Polis kalau mereka menjalankan tugasnya dengan tidak sesuatu ketakutan, mereka akan menunjukkan kepada negara-negara yang lain bahawa Akta ISA itu tidak digunakan untuk menutup mulut-mulut orang yang hendak memberikan kritik yang membina terhadap Kerajaan. Di sini saya berasa sukacita bahawa pihak Polis juga telah mengambil tindakan untuk melepaskan mereka yang tidak bersalah dan saya harap tak lama lagi baki mereka yang tidak bersalah akan diLepaskan.

Berkenaan dengan Polis, mereka mestilah dapat sokongan daripada rakyat dan mereka mestilah diberikan kemudahan-kemudahan untuk menjalankan kerja-kerja mereka supaya tujuan itu tidak, dengan izin, 'difrustrated'. Akta Polis ini adalah satu Akta yang menolong pihak Polis dan Bil ini akan meminda serba sedikit di atas Akta yang tersebut.

Seksyen yang penting dalam Akta ini yang dapat menolong Polis menjalankan tugas supaya kumpulan-kumpulan atau mesyuarat-mesyuarat atau pergerakan itu dijalankan dengan baiknya. Mengikut seksyen yang ada sekarang, iaitu seksyen 27 subseksyen (2), kalau sesiapa hendak menjalankan atau mengadakan satu kumpulan atau mengadakan satu mesyuarat atau mengadakan pergerakan di tempat awam orang itu mestilah memohon lesen. Dan mengikut seksyen 27(5), sesuatu perhimpunan atau mesyuarat atau pergerakan kalau dijalankan dengan tidak mendapat lesen itu, orang-orang yang tersebut itu telah membuat kesalahan. Malangnya dalam Akta tersebut tidak ada diberikan definasi mengenai 'perhimpunan' 'pergerakan' atau 'mesyuarat'.

Kalau kita mengambil makna-makna yang, dengan izin, 'natural'nya maka kalau ada dua orang atau lebih daripada dua orang berkumpul atau bergerak atau mengadakan satu mesyuarat di tempat luar, mereka mesti memohon lesen.

Misalnya kalau kami tiga orang, iaitu saya, Yang Berhormat Nijhar dan Yang Berhormat Mazidah membuat satu appointment di luar Odeon dan kemudian kami pergi makan dan kalau ikut undang-undang ini kita mesti memohon lesen. Kalau tak ada Lesen, kalau pihak Polis mahu, pihak Polis boleh menangkap kami dan kami boleh, dengan izin, 'prosecuted' sebab mengikut ini ianya salah. Kalau salah, mengikut seksyen yang ada sekarang, iaitu seksyen 27(8), sesiapa yang ada salah di bawah bahagian ini, orang itu boleh didenda tak sampai maksimum \$500 atau akan dipenjarakan selama tak lebih daripada 6 bulan atau kedua-duanya. Ini mengikut seksyen yang ada sekarang.

Mengikut undang-undang yang ada sekarang di dalam Criminal Procedure Code No. 174 dan 294, mahkamah juga boleh menggunakan kedua-dua seksyen ini kalau mereka fikir bahawa perhimpunan ini atau pergerakan ini kalau mereka fikir bahawa perhimpunan ini atau

pergerakan ini bukanlah ada sesuatu yang dapat menimbulkan huru-hara, tetapi sebagai sosial sahaja, maka Tuan Hakim boleh melepaskan orang yang ditangkap sungguhpun dia salah mengikut undang-undang yang ada sekarang, kalau perhimpunan itu tidak mendapat lesen. Inilah yang ada satu 'saving clause' bagi orang-orang yang mengadakan perhimpunan dengan tidak niat membuat sesuatu yang salah sungguhpun perbuatan itu salah.

Misalnya sekarang di negara kita ada juga apa yang dikatakan 'hash groups', orang-orang yang berlari tiap-tiap minggu dan kumpulan-kumpulan ini pada tiap-tiap minggu juga berkumpul di sesuatu tempat atau di sesuatu estet, ada 40 orang atau 100 orang, dan pada satu masa mereka berlari, kemudian balik. Kalau mereka tidak memohon lesen, semua orang itu salah. Dan mengikut seksyen ini tidak apa, Tuan Hakim cakap ini bukan satu kesalahan yang sangat buruk, mereka dapat dilepaskan atau didenda \$50. Tetapi mengikut pindaan yang akan diambil sekarang, bseksyen 27 (8) itu dipinda untuk menjadikan denda itu sekurang-kurangnya \$2,000, maka tak ada 'discretion' diberikan kepada Tuan Hakim.

Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat Malaysia menyokong Kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap orang-orang atau anasir-anasir yang tidak baik untuk menimbulkan huru-hara, menimbulkan sesuatu yang tidak baik dan kalau orang-orang ini ditangkap, mereka patut didenda sekurang-kurangnya \$2,000 dan barangkali tak patut ada di dalam Dewan yang mulia ini atau di Dewan Rakyat. Tetapi kalau orang-orang yang tidak mempunyai niat itu, seperti saya katakan, kita buat satu appointment di luar sahaja ditangkap, kami dapat juga didenda sekurang-kurangnya \$2,000 tetapi baik di dalam ini ada satu saving clause iaitu sebelum seseorang itu diprosecuted, pihak Polis

mesti mendapat kebenaran daripada Pendakwa Raya. Di sini, dengan izin, saya hendak bacakan Seksyen 27C (1):

"Sesuatunya pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen 27 atau 27A tidaklah boleh dimulakan kecuali dengan izin bertulis Pendakwa Raya, tetapi seseorang yang akan dipertuduh atas kesalahan itu boleh ditangkap atau sesuatu waran untuk menangkapnya boleh dikeluarkan dan dilaksanakan dan dia boleh ditahan dalam jagaan atau dilepaskan dengan ikat jamin walaupun izin Pendakwa Raya berkenaan dengan permulaan pendakwaan bagi kesalahan itu belum lagi didapati, tetapi kes itu tidaklah boleh didakwa seterusnya sehingga izin telah didapati."

Ini barangkali adalah satu saving clause, tetapi ini juga telah memberikan beban yang berat kepada Pendakwa Raya kerana tiap-tiap sesuatu pendakwaan mesti mendapat keizinannya. Maka di sini saya menerangkan ini dengan harapan bahawa Pendakwa Raya akan berunding dengan serius di atas apa yang saya katakan tadi.

Itulah sahaja yang saya hendak bercakap. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Ainon.

**5.40 ptg.**

**Puan Ainon binti Ariffin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya izin untuk bersama-sama mengambil bahagian bagi membahaskan satu Akta yang sangat penting iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta tmeminda Akta Polis 1967.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan telah mendengar penjelasan yang begitu panjang lebar dan terperinci daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan mengapa-kenapa pindaan kepada Rang Undang-undang ini perlu dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang dipinda ini adalah undang-undang 1967, kini 1987, 20 tahun lamanya undang-undang yang begitu lama kita pergunakan baru dipinda, baru diubahsuai dan baru dikemukakan kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Tentulah Kerajaan kita, pemimpin-pemimpin yang ada di dalam Kabinet kita telah memikirkan dari segala segi, dari segala perkembangan, dari segala perkara-perkara yang telah berlaku, pengalaman-pengalaman yang pahit, yang manis dan yang banyak telah menitikkan air mata, yang hampir-hampir menimbulkan rusuhan besar dan segala-galanya difikirkan dengan terperinci, maka baru undang-undang ini dipinda. Saya menyokong penuh pindaan undang-undang ini dan ingin membuat beberapa komen-komen yang sihat, yang membina atas pindaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita biasa mendengar sebelum ini peristiwa yang sangat pahit, yang saya rasa semua rakyat, terutamanya mereka yang sudah lama, sudah dewasa, begitu juga mereka yang muda-muda, yang umur belasan tahun, mungkin masih ingat peristiwa 13 Mei. Ini menunjukkan beberapa kelemahan dari segi undang-undang kita

menyebabkan peristiwa itu tidak dapat dibendung. Kalau barangkali undang-undang ini sudah dipinda di ketika itu mungkin perkara berkenaan tidak berlaku.

13 Mei telah merupakan sejarah hitam, yang sukar sekali bagi kita hendak melupakannya dan kemudian amat sakit bagi Kerajaan dan rakyat hendak memupuk, hendak memperbetulkan dan hendak memulihkan keadaan-keadaan itu. Syukur dengan semangat perpaduan dan dengan disiplin undang-undang yang sederhana ketat di negara kita, kita berjaya mengatasi perkara-perkara itu tetapi banyak lagi perkara-perkara lain berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini tidak tertentu ditujukan kepada penjenayah-penjenayab sahaja tetapi juga kepada badan-badan, kumpulan-kumpulan, parti-parti politik. Terdapat satu kecenderungan di negara kita ini sejak 10 tahun lalu oleh badan-badan, persatuan-persatuan yang pada peringkat awalnya memang sihat, ingin memberikan pembelaan kepada ahli-ahlinya, ingin mendapatkan hak asasi yang lebih baik, ingin meminta itu dan ini daripada Kerajaan yang memerintah, ingin mendapat nikmat daripada negaranya ini yang merdeka sebagai haknya, tetapi telah diindoktrinasi, telah diinjek, telah dimasuki oleh anasir-anasir yang tidak sihat.

lalu timbul kecenderungan buat satu memoranda, di bawahnya ada satu ugutan, kalau tidak diselesaikan dalam masa sekian lama, kami akan mogok, akan mengadakan demonstrasi dan berbagai demonstrasi telah kita mendengar, Ada demonstrasi itu memang kita sokong, baiknya ada juga begitu mengingatkan. Kerajaan kita jangan leka sangat akan bak rakyat ini. Tetapi yang keterlaluan

bagaimana? Yang berlaku di institusi pusat tinggi kita umpamanya yang mengorbankan anak-anak kita yang dihantar dengan begitu ikhlas dengan doa oleh emak-bapak masing-masing, sampai di kampus-kampus di universiti-universiti setelah mereka diselami atau setelah mereka itu diresapi oleh anasir-anasir tidak sihat, mereka seolah-olah seperti badan politik juga adanya.

Begitu juga peristiwa-peristiwa lain yang berlaku di kuli-kuil, minta maaf, menyentuh perkara ini - di Luarnya memanglah cantik, memanglah indah, mereka pergi ke kuil untuk sembahyang dan lain-lain, tetapi ada beberapa peristiwa yang dicituskan melalui perhimpunan begitu kerana adanya anasir-anasir yang tidak sihat menyelami dan dmempengaruhi mereka. Peristiwa-peristiwa selepas itu yang terbesar berlaku Memali umpamanya, selepas itu peristiwa Muassasah di Kedah. Perhimpunan raksasa diadakan, hampir berpuluh ribu manusia tanpa mendapat kebenaran Polis dan Polis kita kerana kelemahan undang-undang kita ketika itu telah tidak dapat mengawal perhimpunan raksasa Muassasah yang mereka namakan seolah-olah seperti di sebuah bukit yang menjadi penghormatan orang ramai, di Jabal Tsur, Jabal Nur.

Di sana sini tabligh-tabligh yang mengadakan himpunan yang besar di Terengganu yang bertopeng kepada untuk berusrah, untuk berhimpun bagi mengkaji segala ilmu-ilmu ketuhanan tetapi di dalamnya diselit-selitkan anti-Kerajaan, diselitkan dengan hasutan yang hadir itu kepada kononnya penganiayaan dan kezaliman Kerajaan yang memberi mereka beberapa nikmat.

Berlaku Lagi beberapa peristiwa kumpulan fanatik yang mengambil anak-anak murid dari sekolah-sekolah waktu cuti tanpa pengetahuan emak-bapak. Ada setengah emak-bapak tak tahu pun tak diberi

kebenaran, anak mereka setelah dipengaruhi, tidak peduli perintah ibu-bapa, lalu pergi mengikut kumpulan-kumpulan ini yang dibawa ke satu tempat tertentu, lalu mereka itu diberikan Latihan kerohanian. Antaranya mendewakan pemimpin yang menganjurkan usrah atau kumpulan itu, yang menganjurkan kursus-kursus kerohanian dan lalu mereka itu diracuni fikirannya supaya jangan ingat kepada kehidupan, ingat sahajalah kepada perkara kematian, jangan buat itu, jangan biat ini. Itu salah, ini salah, itu dosa, ini dosa.

Walaupun ini tertentu kepada umat Islam, mungkin orang-orang yang bukan Islam tidak terasa pahitnya, tetapi kepada kumpulan orang Islam ini telah mendatangkan beberapa kepincangan dalam masyarakat kita. Timbul kumpulan-kumpulan yang negatif, telefon pun tak mahu jawab, salam tak mahu, dalam bas tak mahu tegur sapa, kalau jumpa orang lelaki seperti menengok harimau, takut tak boleh tegur tak boleh sapa, tunduk. Sampai ada yang menyewa, maaf, saya ada kawan saya rumah sewanya, apabila tuannya seorang lelaki hendak kutip sewa yang berkenaan di dalam tak mahu keluar kerana mereka itu sudah diserapi oleh satu kefahaman bahawa bertegur-sapa lelaki dengan perempuan yang bukan muhrim itu adalah haram. Walaupun tujuannya tujuan persaudaraan, ingin memberikan salam dan lain-lain. Itu beberapa perkara yang telah timbul akibat daripada undang-undang kita yang mungkin lemah sebab Polis tak boleh bertindak.

Pernah kedua emak-bapak pergi jumpa Polis, anak saya kena kidnap, sudah dibawa ke sana-sana untuk dijadikan rekrut kepada kumpulan fanatik ini. Polis kata saya tak boleh buat apa-apa, sebab mereka itu berkursus dan belajar, bukan kidnap dengan paksa dan ada lagi beberapa peristiwa lain, Tuan Yang di-Pertua, singkatnya masa, saya tidak dapat hendak membentangkan di sini.

Kemudian di Rusila umpamanya, ia sudah jadi seolah-olah seperti Mekah yang kedua di negara kita. Saya tidak mahu cakap panjang mengenai Rusila ini. Ada baik tetapi ada juga buruknya kerana setelah mereka mengajar segala hukum hakam ilmu Allah, akidah dan lainnya, maka timbul cerita menghentam Barisan Nasibnal, mengharamkan perkara-perkara yang tidak wajar diharamkan dan kemudian mereka juga mengatakan perkara yang betul. jadi tak betul, yang putih dijadikan hitam. Demikianlah ibaratnya dan demikianlah keadaannya. Begitu juga perkara-perkara lain.

Saya sentuh di sini, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 2 Seksyen 26 Akta memberikan kuasa kepada mana-mana pegawai polis mendirikan sekatan jalan, Pada masa dahulunya pegawai kanan sahaja boleh memberi arahan. Ada berlaku suatu kejadian jenayah, sila buat sekatan jalan, di simpang itu, simpang ini, tetapi kadang-kadangnya yang berkenaan bercuti, maka Polis yang ada terpaksa rujuk dahulu ke mana-mana, sementara itu si penjenayah sudah lepas lari menghitangkan diri. Sekatan jalan raya kita tidak berhasil.

Jadi, sekarang kalau pegawai polis yang berkenaan itu dapat kuasa, dia dapat sahaja repot dia terus boleh mengeluarkan perintah buat sekatan. Tidakkah ini baik namanya? Menyekat penjenayah yang lepas daripada merompak, merogol atau memeras ugut atau membuat sesuatu kecurian dan lain-lain ditangkap dengan serta-merta, Begitu juga mengenai perkara Fasal 3 Seksyen 27 di mana ia menyekat himpunan yang ramai yang saya telah ulaskan tadi, mengapa dan kenapa perlu diadakan.

Kemudian lagi satu ialah Fasal 4 mengenai Seksyen haru 27A, 27B dan 27C. Ini juga saya rasa sangat baik dan akan memberikan perlindungan kepada rakyat dan keselamatan negara.

Saya tidak fikirlah, Tuan Yang di-Pertua, orang jogging pun Polis hendak tangkap, ataupun orang duduk bertiga; saya ajak dua tiga orang kawan minum teh pun Polis syak kita hendak membuat kumpulan. Polis juga mempunyai budibicara yang tinggi. Hanya yang memudaratkan. Yang memudaratkan ini kalau tiga orang pun boleh juga buat mudarat. Tiga orang pakat-pakat letak bom dekat Parlimen umpamanya, boleh, Tetapi kalau tiga orang berjogging, tiga orang hendak pergi makan minum berempat, berlima, Tuan Yang di-Pertua,. atau lain-lain lagi hendak membelanja minum sesiapaakah, saya tidak fikir Polis tangkap. Insya Allah, tidak begitu rendah budibicara dengan Polis negara kita ini.

Terakhirnya saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, sudah mula hendak memberitahu saya masa, iaitu yang keempat, sentuhannya ialah kepada Fasal 5 yang bertujuan iaitu menghapuskan hak Menteri, saya baca Huraian -

"untuk menghapuskan kehendak mendapat kelulusan Menteri bagi membuat perintah-perintah melarang perkara-perkara yang disebutkan dalam seksyen itu, seperti pengibaran bendera dan penggunaan pembesar suara,"

Sekarang ini berapa punya susah apabila ada orang membuat perkara-perkara yang berkenaan iaitu membuat satu majlis ceramah di rumah Tuan Haji "A" umpamanya kemudian yang hadir dalam rumah, tidak apalah Barangkali terlindunglah dari undang-undang. Yang di luar rumah beratus, beribu sampai ke jalanraya ini berlaku, Tuan Yang

di-Pertua, di kawasan saya sendiri dibuat oleh satu kumpulan badan agama. Di Kampung Bharu, di Kampung Dato' Keramat, di satu tempat di Taman Melewar, Gombak, teruknya karni. Bila pergi mengadu kepada Polis, Polis tnengatakan mereka tidak boleh ambil apa-apa tindakan sebab tidak ada undang-undang yang boleh menyekatnya mendengar ceramah itu. Ceramahnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah:-

"Kerajaan Barisan Nasional ini ialah Kerajaan Syaitan,...!  
Wajiblah bagi kita membunuh si anu-si anu itu kerana dia itu sudah subhat dengan kafir dan wajiblah ianya dibunuh kerana dia telah mengabaikan tanggungjawab, tidak amanah." Itu ceramahnya, antara lain. Jadi, kita tidak dapat menggunakan undang-undang menyekat perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak sampai kepada Menteri, mungkin Menteri sibuk hendak telefon, jumpa atau lain-lain pihak Polis sabaja sudah boleh mengambil tindakan segera kalau ada laporan kalau ada kejadian ini berlaku.

Berkenaan dengan satu perkara tadi, saya dengar kawan saya membangkitkan iaitu mengenai penyelewengan kuasa-kuasa. Saya percaya setelah 20 tahun lamanya undang-undang yang ada itu tidaklah banyak penyelewengan kuasa itu dibuat. Kecil-kecilan itu saya tidak nafikan, tetapi tidaklah perkara-perkara besar, perkara-perkara asas yang diselewengkan oleh pihak Polis dan saya percaya undang-undang yang ada juga akan terkawal dari penyelewengan. Hanya satu saya ingin tegaskan bahawa sesiapa yang bendak naik pangkat dalam Polis, bukan sahaja dalam Polis, dalam apa bidang pun mesti patuh dengan Akta, dengan undang-undang Bahasa Malaysianya, mestilab mengikut seperti yang telah dibuat sekarang **ini**. Tidak boleh lagi kita tolak

ansur, Tuan Yang di-Pertua, longgar, longgar, longgar, esok longgar terus. Kita hendak Bahasa Malaysia itu diperdaulatkan sesuai dengan kehendak rakyat ramai iaitu Bahasa Kebangsaan negara yang benar Malaysia. Sesiapa sahaja yang menyatakan dirinya Malaysian, warga-negara, dia tidak patut menimbulkan persoalan ini dan mesti mematuhi arahan ini. Ini permintaan saya kepada Menteri yang berkenaan.

Sekian, dengan itu saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini, Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan C. Krishnan. Sepuluh minit sahaja.

**5.54 ptg.**

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyentuh Rang Undang-undang Polis (Pindaan) yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju bahawa kelonggaran-kelonggaran dalam Akta Polis pada masa ini telah diambil kesempatan oleh beberapa pihak sampai terjejas keamanan dan ketenangan rakyat. Walaupun semua pihak terpaksa mendapat kelulusan daripada pihak Polis untuk mengadakan perjumpaan ramai atau perarakan dan sebagainya ada pihak dan golongan yang telah mengabaikan kehendak undang-undang ini .

Pihak DAP telah mewujudkan satu cara perhimpunan yang baru di mana kedai-kedai kopi telah dijadikan tempat berhimpun. Ada kalanya beratus-ratus orang berhimpun di dalam dan diluar kedai-kedai kopi sampai menghalang jalan-jalan di bandar-bandar. Mereka menjadikan tempat awam di kedai kopi sebagai pentas di mana ucapan-ucapan panas dibuat untuk menyinggung perasaan kaanr-kaum di tanahair kita. Tidak ada perkara dalatn negara yang tidak digunakan oleh mereka

sebagai bahan politik. Baik tindakan Kerajaan yang jujur sampai kepada projek-projek pembangunan dan kejadian yang berlaku di sudut-sudut negara kita semuanya dihangatkan, diucapkan, dicetak dan dihebahkan-. Perarakan-perarakan menjadi-jadi sampai ada orang yang fikir negara kita telah kucar-kacir dan keadaan undang-undang tidak didaulatkan dan keamanan negara terjejas. Telah wujud beberapa badan-badan yang digelar sebagai pergerakan-pergerakan liberal, dengan izin, yang mengambil keserapatan tentang apa-apa perkara juga.

Pergerakan consumer, pergerakan environment, pergerakan mahasiswa, pertubuhan penyelidikan semuanya mempunyai punca-punca arah dan arus kegiatan yang sama. Tetapi pertubuhan-pertubuhan ini mempunyai ketua dan ahli-ahli Jawatankuasa dan ahli-ahli biasa yang sama dan biasanya berkelompok untuk menjalankan tunjuk perasaan mengadakan perarakan, demonstrasi dan sebagainya.

Kita harus mencari jalan untuk menyelesaikan keadaan ini dan mewujudkan suasana yang aman dan damai. Kita harus memaksa orang ramai atau golongan tertentu yang merasa kurang puas hati mengenai satu-satu perkara atau perkembangan untuk mencari cara-cara untuk menyuarakan dan menyelesaikan masalah-masalah ini secara terkawal dan aman.

Tujuan Rang Undang-undang ini tidak lebih daripada itu dan harus dipandang sebagai sebegitu sahaja, bukan sebagai satu langkah untuk senyapkan suara pembangkang atau menutup mulut orang ramai apabila mereka tidak berpuas hati atau hendak merayu di atas apa-apa perkara.

Saya sangatlah berharap bahawa kuasa-kuasa yang sekarang ini diberi kepada mana-mana pegawai Polis yang dibenarkan mengenai perjalanan perhimpunan, perjumpaan atau perarakan akan diberi penuh keterangan dan fahaman mengenai tujuan ini. Tidak harus berlaku keterlaluan di dalam menggunakan kuasa atau tindakan yang menakutkan orang biasa yang hendak mengemukakan rayuan tentang apa-apa yang kurang menyenangkan kepada Kerajaan.

Satu perkara yang saya suka membangkitkan mengenai Rang Undang-undang ini ialah mengenai Fasal 4 yang memperkenalkan Seksyen 27A (4) di mana kesalahan seseorang ahli sesuatu pertubuhan politik juga melibatkan semua pegawai pertubuhan bersabit dan dianggap melakukan kesalahan dan dikenakan hukuman penuh yang sekarang ini ditingkatkan lagi walaupun mereka boleh cuba membuktikan mereka tidak tahu atau terlibat dalam kesalahan itu. Saya merasa kuasa itu harus digunakan dengan awas-awas sekali. Denda yang dikenakan untuk kesalahan-kesalahan dicadangkan dinaikkan hingga tidak kurang daripada \$2,000 bermakna mereka ini akan kehilangan beberapa hak dan kemudahan lain seperti menjadi calon dalam pilihanraya atau menjawat beberapa jawatan dalam pertubuhan atau syarikat dan sebagainya - satu akibat yang kuat dan luas dalam kesannya. Saya harap syarat ini akan dapat dikawal rapi dalam perlaksanaannya dan jika perlu akan disemak semula selepas pengalaman beberapa masa. Sementara itu saya harap Pendakwaraya [Public Prosecutor] akan berhati-hati dalam memberi izin bertulis sebelum membenarkan apa-apa pendakwaan di bawah kuasa-kuasa yang dipinda ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam.

**5.59 ptg.**

**Tuan Hassan bin Nam:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang bangun untuk bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain di Dewan ini dengan tujuan untuk memberi sokongan dan membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Polis 1967, dan Akta ini bolehlah dinamakan Akta Polis (Pindaan) 1987 yang mana telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri di Dewan yang mulia ini baru sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Kerajaan dan khususnya Kementerian Dalam Negeri yang mana Rang Undang-undang tersebut telah dapat dipinda dan diubahsuai mengikut keperluan semasa yang bersesuaian dalam keadaan mencabar pada masa kini.

Dengan pindaan Akta baru ini akan diberi kuasa yang lebih luas kepada pihak pegawai Polis berpangkat rendah dengan tujuan untuk membolehkan mereka bertindak secepat mungkin dalam menjaga ketenteraman awam dan keselamatan negara khususnya bagi mengawasi segala perhimpunan, perjumpaan dan perkumpulan pergerakan secara haram di negara kita, ini yang mana berlaku amat ketara sekarang. Dan sebaik-baiknya Akta ini diperketatkan dan ditambah segala hukumannya.

Tepat kena pada masanya Kerajaan menaikkan denda atau hukuman kepada setiap individu atau sebarang pertubuhan yang terlibat atau melibatkan diri secara haram. Bersabit dengau kesalahan kerana mengadakan perhimpunan, perjumpaan dan segala perkutnpulan pergerakan secara haram, dendanya dinaikkaa dari \$500 kepada tidak kurang dari \$2,000 dan tidak melebihi pula \$10,000 dan hukuman penjara di atas kesalahan yang sama juga dikenakan penjara yang kini tidak melebihi enam bulan dan ditambah menjadi setahun. Ini adalah saya anggap sebagai salah satu senjata kepada pihak Kerajaan untuk meredakan bagi keghairahan sebahagian ahli-ahli politik atau lebih tepat lagi Ahli-ahli Yang Berhormat atau Wakil Rakyat di negara ini terutamanya dari parti Pembangkang yang suka selalu menghasut atau mengheret ahli-ahlinya untuk mengadakan perarakan atau perhimpunan, **per-**kumpulan sebanyaknya dilakukan secara haram dengan mengadakan segala bantahan terhadap Kerajaan dengan tujuan niat jahat mereka untuk mahu menggagalkan segala program dan usaha baik pihak Kerajaan terhadap rakyatnya.

Maka dengan adanya pengubahsuaian pindaan Akta Polis 1967 pada Fasal 3(b) bertujuan untuk menambah hukuman penalti kerana sesuatu kesalahan di bawah seksyen 27 kepada mana-mana orang yang melakukan

satu kesalahan di bawah seksyen ini boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak kurang daripada \$2,000 tetapi tidak melebihi daripada \$10,000 dan penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

Dengan adanya Akta ini lebih ketat di atas maksud perkara tersebut, maka saya percaya orang-orang berkenaan yang mana ghairah suka selalu mengadakan tunjuk perasaan atau berdemonstrasi ini akan lebih berhati dan berfikir dua kali untuk mengadakan perkumpulan perarakan secara haram ini kerana dengan sabit kesalahannya kemungkinan akan kehilangan jawatan dan nama disanjung oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 1967 ini, perlu juga diawasi tentang kuasa-kuasa yang diberi itu kepada pegawai-pegawai rendah Polis supaya mereka tidak menggunakannya dengan kekerasan atau sewenang-wenangnya. Tambahan pula pada Fasal 4, penggunaan kekerasan dalam menyuraikan atau menangkap orang-orang yang difikir bersalah itu, kalau diteliti menurut seksyen baru 27B yang mengatakan:

"Maka mana-mana pegawai polis atau mana-mana orang lain yang bertindak bagi membantu seorang pegawai polis boleh melakukan segala perkara yang perlu untuk menyuraikan mereka dan menangkap mereka ..... dan jika mana-mana orang yang memberi tentangan boleh menggunakan kekerasan yang semunasabahnya perlu untuk mengatasi tentangan itu".

Dalam tindakan itu kalau betul munasabahnya tidak ada apalah, tetapi kita tidak mahu kuasa itu diberi kepada 'orang-orang lain' ini sebab kita takut orang-orang lain kalau diberi peluang ini bagi membantu polis boleh melakukan segala perkara yang perlu dengan kekerasan dan akan bertindak dengan tidak bertanggungjawab. Sebab kita tidak mahu imej anggota polis ini terjejas ini nanti kerana orang lain diberi peluang bertindak, ditakuti diambil kesempatan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya menyeru kepada pihak berkuasa supaya Akta ini digunakannya dengan sebaik-baiknya demi untuk menjaga ketenteraman awam dan keselamatan, keamanan negara kita bersama. Segala tugas, kecekapan dan kejujuran khidmat anggota Polis dan Tentera terhadap keamanan negara kita haruslah disanjung tinggi dan dipuji di atas perkhidraatan mereka itu. Kita berharap disiplin dan tanggungjawab khidmat mereka kepada rakyat dan negara akan dapat dikekalkan kecemerlangan dan dedikasi.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Paramjit Singh dipersilakan.

#### **6.05 ptg.**

**Tuaa Paramjit Singh:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dan mengambil bahagian membahaskan Rang undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Polis 1967. Akta ini adalah Akta yang sangat penting dan beruilai kerana usul pindaannya memberikan kuasa-kuasa tambahan kepada Polis, telah mewujudkan kesalahan-kesalahan baru di bawah Akta Polis dan telah memperuntukkan hukuman-hukuman tambahan kepada pelbagai kesalahan yang dilakukan di bawah Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita kini sedang melalui dekad-dekad yang sukar dan hanya baru-baru ini lebih 100 orang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan ada di antara mereka yang telah dibebaskan. Sejak Peristiwa 13hb Mei, 1969, ini adalah kali kedua seluruh negara mengalami keadaan yang tegang dan menggelisahkan. Ini adalah masanya apabila sekali lagi kestabilan politik dan masa depan negara terancam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Polis Di-Raja Malaysia dan terutamanya kepada Yang Berbahagia Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar ke atas tindakan tegas dan licin yang diambil bagi meleraikan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ingin membincangkan tentang pindaan-pindaan yang saya fikir penting pada Akta Polis 1967. Pertama sekali, subseksyen (8), seksyen 27 Akta Polis 1967 memperuntukkan:

"Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun."

Dengan pindaan ini, hukuman minima yang boleh dikenakan oleh mahkamah ke atas seseorang yang disabitkan bagi sesuatu kesalahan ini di bawah seksyen 27 adalah denda tidak kurang daripada \$2,000. Seterusnya, satu subseksyen (8A) yang baru diperkenalkan yang memperuntukkan bahawa subseksyen 173A dan 294 Kanun Prosedur Jenayah tidaklah terpakai berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini.

Daripada kedua-dua pindaan ini adalah jelas bahawa sebaik sahaja pindaan-pindaan ini mula diwartakan, seseorang Ahli Parlimen atau seseorang Ahli Dewan Undangan Negeri yang disabitkan dengan sesuatu kesalahan di bawah seksyen 27 Akta Polis secara otomatis tidak lagi menjadi Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri. Ianya sedemikain, kerana di bawah Perlembagaan Persekutuan ada peruntukan bahawa seseorang Ahli Parlimen setelah dikenakan denda tidak kurang daripada \$2,000 menjadikan beliau terbatal keahliannya. Pindaan ini mempunyai kekesan yang jauh dan kelihatan bahawa ianya dibentuk untuk menjaga maruah Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan untuk memperuntukkan membatalkankeahlian bagi mereka yang didapati bersalah di bawah pindaan baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai dakwaan telah dibuat bahawa negara ini sedang menghalu ke arah menjadi sebuah negara polis. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa apa yang menjadi penting pada tahap- ini ialah bahawa kita mestilah memelihara kestabilan politik dan masa hadapan negara kini. Kerajaan telah menjadi sungguh liberal di tahun-tahun ini tetapi ianya kelihatan telah wujud menyalahguna kebebasan. Jadi telah menjadi kewajipan sebuah negara yang bertanggungjawab untuk menjaga warganegara rakyatnya daripada sebarang kerusuhan atau sebarang bentuk kekacauan.

Tuan Yang di-Pertua, sama juga dengan Seksyen 27 yang juga dipinda dan tiga subseksyen baru telah ditambah dan ianya adalah subseksyen 27A, 27B dan 27C. Subseksyen (6) Seksyen 27A juga memperuntukkan bahawa seorang yang didapati bersalah kerana sesuatu kesalahan di bawah Seksyen 27A akan didenda tidak kurang daripada \$2,000. Subseksyen ini mempunyai penilaian yang sama dengan subseksyen (8) Seksyen 27,

Tuan Yang di-Pertua, dengan kedua-dua subseksyen ini, kuasa-kuasa mahkamah yang sedia ada telah diubahsuai. Mahkamah tidak akan mempunyai kuasa untuk membebaskan seseorang atas berkelakuan baik di bawah Seksyen 173A atau Seksyen 294 Kanun Prosedur Jenayah jika seseorang itu disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta Polis. Pindaan ini yang mengambil kuasa mahkamah ialah suatu pindaan yang sungguh besar dan luas. Peruntukan sedemikian selalunya jarang terdapat dalam pelbagai kanun.

Mungkin dalam konteks keadaan politik sekarang di dalam negara ini, kuasa-kuasa ini boleh dianggap adil, tetapi saya berharap di tahun-tahun akan datang apabila beberapa para pemimpin politik kita telah matang dan berhenti daripada bermain politik perkauman di dalam negara ini, perundangan ini patutlah disemak dan mungkin diubah.

Tuan Yang di-Pertua, setengah daripada pembangkang pindaan ini berhujah bahawa pindaan ini mengganggu kebebasan kehakiman. Ini adalah rata-rata tidak benar, kerana sepertimana yang telah saya katakan awal-awal lagi, terdapat pelbagai kanun di mana undang-undang secara khusus memperuntukkan hukumannya, misalnya di bawah Akta Dadah Berbahaya, bagi kesalahan mengedar dadah, hukuman yang satu-satunya mahkamah boleh kenakan ialah hukuman mati dan sama juga bagi beberapa kesalahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, undang-undang memperuntukkan hukuman minimum.

Tuan Yang di-Pertua, kita bolehlah katakan bahawa di negara kita kehakiman adalah sepenuhnya bebas dan hakim-hakim kita menikmati kedudukan istimewa di bawah Perlembagaan Persekutuan. Sejak kemerdekaan, tidak pernah Kerajaan dengan apa-apa cara pun mengganggu kebebasan kehakiman dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong pindaan-pindaan kepada Akta Polis. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong.

**6.14ptg.**

**Tuan Lau Keng Siong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Akta Polis (Pindaan) 1987 ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya patutlah ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Polis yang telah bertanggungjawab di atas keselamatan orang ramai dan negara kita selama sebelum mencapai kemerdekaan dan selepas kemerdekaan Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, manusia memang ada silap. Kebanyakan rakyat jelata salahkan Polis tetapi mereka tidak faham apa yang mereka telah buat. Jadi, sebagai rakyat jelata yang taat setia

kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Sultan-sultan dan negara kita, saya fikir kita jangan takut-takutkan pihak Polis. Kita tidak payah kepada Polis pun, negara kita pun dapat aman. Jadi, maknanya pindaan kepada Akta Polis ini, saya fikir hendak menguatkan kuasa, memberi kuasa penuh kepada pihak Polis supaya dapat mengambil tindakan yang lebih tegas.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis pun sepatutnya hendaklah bekerja lebih rapat dengan rakyat jelata. Selepas Rang Undang-undang ini dipinda, saya harap pihak Polis bolehlah bekerja lebih rapat dengan rakyat jelata. Oleh sebab sesuatu benda yang dilakukan, kalau dengan pertolongan rakyat jelata yang bekerjasama dengan pihak Polis, saya fikir jenayah-jenayah itu dapat dihapuskan dengan kerjasama rapat oleh rakyat jelata dan pihak Polis.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Rang Undang-undang ini memberi kuasa penuh kepada Polis, supaya pihak Polis dapat mencepatkan apa-apa perkara yang mereka hendak atasi atau yang akan dijalankan. Ini bermakna adalah satu Akta yang bagus, tidak payahlah tunggu begitu lama sampai 20 tahun - tahun 1967 sampai 1987 barulah Akta ini hendak dipinda.

Tuan Yang di-pertua, Kerajaan adalah dipilih oleh rakyat jelata. Tiap-tiap 5 tahun kita mesti berhadapan dengan rakyat jelata. Kalau pihak Polis tidak menjaga keselamatan negara kita, saya fikir tiap-tiap 5 tahun kita ada pilihanraya umum, kita tidak dapat selamat. Kalau kita bandingkan dengan negara-negara jiran kita - saya tidak mahu sebut mana satu negara - apabila ada pilihanraya umum, ada kekacauan, ada bunuh orang, ada orang yang mati. Tetapi di negara kita Malaysia ini selalu aman. Itulah kita

Mesti ucapkan syukur dan tahniah kepada pihak Polis yang menjaga keselamatan kita, negara kita serta pemimpin kita. Tiap-tiap ibu bapa, tiap-tiap Ahli Parlimen, Senator-senator adalah bertanggungjawab kepada anak-anak cucu kita pada masa akan datang yang berumur satu dua bulan sarapai kepada budak-budak pergi sekolah. Kita tidak mahu keadaan kacau-bilau di negara kita.

Apabila Akta ini sudah dipinda, saya fikir terutama sekali parti Pembangkang bila hendak berucap, hendak berkumpul, hendak fikir dua kali **[Tepuk]**, kalau mereka tidak mahu patuh kepada undang-undang. Jadi, saya fikir oleh kerana Kerajaan kita adalah Kerajaan yang dipilih oleh rakyat, apa-apa Akta yang dipinda pun, saya fikir, ia berkehendakkan pandangan rakyat. Saya fikir apabila

Jadi, oleh sebab rakan-rakan saya hendak berucap, saya pun Akta ini dipinda, negara kita boleh dapat lebih selamat, kita semua boleh tidur dengan sebaik-baiknya **[Ketawa]**.

tidak mahu memanjangkan ucapan saya lagi, di sini saya mohon menyokong dengan sepenuh-penuhnya di atas Akta Polis (Pindaan) 1987 ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah.

**6.20 ptg.**

**Puan Hajjah Azizah binti Mohd Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun turut menyokong satu Akta untuk meminda Akta Polis 1967,

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dan rakyat Malaysia yang taat setia telah dapat melihat telatah golongan orang-orang yang tidak bertanggungjawab mengadakan perhimpunan-perhimpunan awam untuk mendapatkan sokongan rakyat menentang sesuatu dasar Kerajaan kita dan di bawah peruntukan undang-undang yang lama, mereka itu tidak boleh didakwa.

Tuan Yang di-Pertua, sementara pemegang lesen jika didapati bersalah, dikenakan denda yang ringan sahaja. Ini berlaku kerana golongan tertentu tahu bahawa undang-undang tersebut mempunyai kelemahan tertentu untuk mereka mendapat perlindungan daripada tindakan mahkamah.'

Tuan Yang di-Pertua, dalam sesebuah negara yang berbilang kaum dan berdaulat seperti Malaysia ini, perkara-perkara tersebut tidaklah boleh dibiarkan berterusan berlaku, kerana ia boleh menjejaskan keselaraatan, kestabilan politik, kekuatan dan keutuhan ekonomi negara kita, kerana bila berlaku keadaan huru-hara, keadaan kekacauan dan pertempuran kaum, yang ruginya ialah kita. Umpama kata pepatah Melayu, "Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati tersepit".

Yang kita kecewakan atau yang kita rasa curiga ialah kedudukan ekonomi negara kita. Ibarat kita bergaduh adik beradik hari ini, besok kita baik. Tetapi kalau kita bergaduh di antara kaum sama kaum, yang ruginya ialah negara kita. Bilamana mata dunia ataupun dunia lain melihat keadaan kestabilan politik kita tidak mantap,

maka dengan sendirinya menjunam jatuh harga-harga saham dan kukuh ekonomi kita, kerana ekonomi bergantung kepada kestabilan politik, keharmonian dan kemantapan serta perpaduan kaum. Ini amat penting, kerana keharmonian itu tidak boleh dibeli dengan wang ringgit. Bak kata pepatah Melayu, "dalam sesebuah rumah tangga itu, kebahagiaan itu tidak boleh dibeli dengan wang ringgit." Kalau tidak kasih sama mengasihani, cinta mencintai antara satu sama lain, kalau isteri tidak sayangkan suami dan suami tidak sayangkan isteri, kebahagiaan tidak akan wujud, Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk]

Begitu juga kita hidup di antara tiga kaum yang terbesar di Malaysia ini, kita bangga setelah 30 tahun kita merdeka, kita hidup di mata dunia dengan begitu memandang mulia, kerana orang Cina percayakan orang Melayu, orang India percayakan orang Melayu, kerana kita dapat lihat dari segi perayaan hari raya. Bilamana rumah kita hari raya, orang-orang Tionghua datang berhari raya dengan pakaian barunya, orang India juga datang berhari raya dengan pakaian Melayunya, kita juga menyediakan makanan tiga jenis kaum ini. Alangkah harmoninya. Kalau kita bercakapan sama sendiri seperti kucing dengan anjing, sedangkan suratkhobar baru-baru ini ada menceritakan seekor ibu anjing menyusukan kucing. Binatang pun telah berharmoni, Inikan pula kita manusia ini, rugi rasa saya. Penerapan ini hendaklah kita sedar dari peringkat atas ke peringkat bawah.

Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, bukan saya hendak merampas kuasa Tuan Yang di-Pertua, sesama kita dalam Dewan yang mulia ini, bercakap biarlah untuk keseluruhan rakyat, bukan masing-masing memperjuangkan haknya. Tidak guna, ibarat sebatang pokok, mereka ambil buah, kemudian tebang dahan, seorang lagi ambil

buah tebang dahan, lama-lama pokok itu botak. Minta maaf orang botak, bukan saya sindir [Ketawa] . Kita mesti ambil buah itu sama-sama, rasa sama-sama nikmati sama-sama. Sebab kita kaya dari segi ekonomi. Tidak kurang juga bangsa asing yang berbilang kaum ini kaya, orang Melayu ini baru hendak kaya sedikit. Sama-samalah kita kaya, sama-samalah kita hidup. Tidak guna, seperti kata orang, buat apa kita takut pada undang-undang ini. Kalau 10 kali dipinda pun, kalau hati kita tidak pinda. Hadis Rasulullah s.a.w. menyatakan: "Tiap-tiap satu perkara itu kita mesti buat dengan niat". Kalau kita takut kerana kita salah, kita berani kerana kita benar. Kalau kita himpun 10-20 orang dengan niat untuk menjamu selera, bersuka-suka, kalau kita buat joget Lambak sekali sekala, macam orang Melaka, tidak salah rasa saya. Timbalan Menteri Dato' Megat tak tangkap [Ketawa] . Kalau dia tanya, kita ajak sekali berjoget lambak, tidak salah, Ini kalau kita berkumpul 3-4 orang merancang sesuatu dengan niat jahat, hendak mengancam keselamatan negara, merampas kuasa, menjatuhkan ekonomi negara, saya sendiri mengadu. Demi Allah, di petang bari yang mulia ini. Kita berani kerana benar, kita takut kerana salah, tidak usah kita takut kepada bayang-bayang kita sendiri dan saya bawa balik pepatah, kita hendaklah mengamalkan, "di mana bumi dipijak di situ langit kita junjung". Jangan bumi dipijak, bumi kita junjung di tempat lain. Minta maaf kepada orang lelaki, sini kasih, sana sayang, sana cinta, sana suka, tidak boleh! [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Polis tersebut adalah bertujuan mengadakan kawalan yang lebih berkesan lagi bagi mengawal perhimpunan, perjumpaan dan perarakan di negara ini. Kerana kelemahan undang-undang yang ada sekarang telah diperalatkan oleh

pihak-pihak tertentu mengadakan perhimpunan di tempat awam dengan menggunakan pembesar suara. Perbincangan dan ucapan yang dilakukan dapat didengar oleh orang-orang yang berada di luar bangunan sendiri, Dalam keadaan seperti ini, pihak yang berkuasa tidak boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya golongan yang tidak bertanggung jawab telah memaksa Kerajaan kita mengambil tindakan yang lebih tegas lagi dengan meminta Akta Polis tersebut. Tindakan tegas ini amat perlu memandangkan kepada tindakan individu, kumpulan atau parti politik yang meraburuk-burukkan keadaan politik dan ekonomi negara ini bagi kepentingan mereka. Tindakan mereka itu bolehlah disifatkan sebagai belum matang berpolitik, masih mentah, kata orang, serta tidak menghargai sikap liberal Kerajaan kita kerana mereka tidak sanggup mengawal diri mereka tanpa undang-undang yang lebih ketat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat melihat kesan daripada tindakan-tindakan individu atau kumpulan atau parti politik yang bertindak sesuka hati mereka dengan mengadakan perhimpunan-perhimpunan di tempat awam yang menyebarkan dakyah-dakyah bagi kepentingan mereka. Mungkin sebilangan kecil rakyat akan terperdaya atau terpengaruh dengan dakyah-dakyah tersebut dan akhirnya yang menjadi mangsa dan menderita adalah rakyat. Tindakan-tindakan kumpulan yang tidak bertanggungjawab membuat perbagai dakwaan seperti negara ini tidak demokrasi, tidak stabil dan tidak dapat menarik pelabur asing adalah di antara sebab-sebab mengapa Akta Polis 1967 itu perlu dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, kerana segala tohmah mereka adalah tidak benar dan memutar belitkan kenyataan yang sebenar dan jika dibiarkan

berterusan, perhimpunan-perhimpunan di tempat awam tanpa pengawasan yang lebih ketat oleh pihak berkuasa. Kumpulan-kumpulan yang tidak bertanggungjawab itu akan menjadi lebih kuat dan lantang bertindak sesuka hati mereka kerana mereka tahu Kerajaan tidak boleh mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak rela melihat undang-undang negara ini ditertawakan oleh segelintir manusia yang mempunyai niat jahat kepada negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masa untuk perbahasan kita pada petang ini sudahpun cukup. Ahli Yang Berhormat boleh menyambung sedikit sahaja pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 2.30 petang hari esok, hari Selasa, 15hb Disember, 1987.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**